



جامعة تكنولوجيا مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Bahagian Penyelidikan  
Jaringan Industri,  
Masyarakat dan Alumni

2022

# MAJALAH PJIM&A

BAHAGIAN PENYELIDIKAN,  
JARINGAN INDUSTRI, MASYARAKAT & ALUMNI  
UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

MENYOKONG HASRAT  
UNIVERSITI  
CRU 2025 KE ARAH

eISSN 2821-3513



9 7 7 2 8 2 1 3 5 1 0 0 5



EISSN: 2821-3513

eISSN 2821-3513



KELUARAN 1, 2022

MARCH 2022

DITERBITKAN OLEH:

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)

CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

PEKAN PARIT TINGGI, 72000

KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN

TEL: 606-4832100

FAKS: 606-4842449

HAK CIPTA TERPELIHARA @2022 PJIM&A UITMCNS

CETAKAN PERTAMA MAJALAH PJIM&A

SEMUA HAK CIPTA TERPELIHARA. TIADA MANA-MANA BAHAGIAN JUA DARIPADA PENERBITANINI BOLEH DITERBIT SEMULA ATAU DISIMPAN DALAM BENTUK YANG BOLEH DIPEROLEH SEMULA ATAU DISIAR DALAM SEBARANG BENTUK DENGAN APA CARA SEKALIPUN SAMA ADA SECARA ELEKTRONIK, MEKANIKAL, FOTOKOPI, RAKAMAN ATAU SEBALIKNYA TANPA MENDAPAT IZIN DARIPADA PENERBIT PJIM&A UITMCNS.

HAK CIPTA TERPELIHARA @2022 PJIM&A UITMCNS

BAHAGIAN PENYELIDIKAN, JARINGAN INDUSTRI, MASYARAKAT DAN ALUMNI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)

CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

EISSN: 2821-3513

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

MAJALAH INI DITERBITKAN SEKALI SETAHUN

HAK CIPTA TERPELIHARA @2022 PJIM&A UITMCNS

DISUNTING OLEH:

SIDANG REDAKSI MAJALAH PJIM&A TAHUN 2022

# ISI KANDUNGAN

BIL.	TAJUK / NAMA PENULIS	MUKA SURAT
1	<b>SEGMENT: FIGURA SIRI 1</b> PENULIS: DR SITI SARA IBRAHIM	1 - 2
2	<b>UNIT: MASMED</b> PENULIS: DR RAJA MAYANG DELIMA MOHD BETA	3 - 12
3	<b>UNIT: ICAN</b> PENULIS: ASMAHANIM HAJI MOHD YUSOF	13 - 23
4	<b>UNIT: INFORMASI DAN MEDIA (UIM)</b> PENULIS: SITI ZAHARAH MOHD RUSLAN	24 - 33
5	<b>UNIT: UPP</b> PENULIS: DR NOR'AISHAH HASSAN	34 - 41
6	<b>UNIT: UIP</b> PENULIS: DR NORLIZA DZAKARIA	42 - 48
7	<b>UNIT: RMU</b> PENULIS: DR RUHAIDA RUMIN	49 - 58
8	<b>SEGMENT: KENALI</b> SPOKESPERSON PJIM&A	59 - 60
9	<b>SEGMENT: KENALI</b> SPECIAL INTEREST GROUP (SIG), UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN	61 - 73

# SIDANG REDAKSI

## PENAUNG

PROF DR YAMIN YASIN

## PENASIHAT

DR SITI SARA IBRAHIM

## TIMBALAN PENASIHAT I

YM DR RAJA MAYANG  
DELIMA MOHD BETA

## TIMBALAN PENASIHAT II

ABDULLAH YAHYA

## KETUA PENGARANG

JASHIRA JAMIN

## EDITOR

AMIRAH HJ ABU  
HASSAN

NAJATUL AFIQAH  
MOHD AFFANDI

WAN MOHD HAFIZ  
WAN HASNOL

DR ASIAH ALI



Untuk sebarang maklumat atau pertanyaan,  
boleh berhubung terus dengan Ketua Pengarang  
Majalah PJIM&A, Puan Jashira Jamin di talian  
dibawah:



HP: (+60 19-276 9276)  
Pejabat: +606-698212  
Emel: jashira@uitm.edu.my

**Segala maklumat yang ditulis di dalam Majalah  
PJIM&A 2022 ini adalah hak milik Bahagian  
PJIM&A UiTM Cawangan Negeri Sembilan.**

# UCAPAN ALUAN REKTOR



## PROF DR YAMIN YASIN

Matlamat penerbitan MAJALAH PJIM&A ini adalah tidak lain dan tidak bukan untuk menyampaikan informasi-informasi terbaru dan juga inisiatif Bahagian Penyelidikan, Jalinan Industri, Masyarakat dan Alumni dalam merangka Pelan Strategik Universiti kepada warga akademik UiTM Cawangan Negeri Sembilan, disamping merumuskan program-program yang telah dijalankan sepanjang tahun lepas.

Melihat kepada situasi semasa dimana Pandemik Covid-19 yang masih lagi melanda negara kita, Bahagian PJIM&A telah mengambil beberapa inisiatif yang mendapat kelulusan dan sokongan pihak pengurusan untuk diwar-warkan kepada seluruh warga akademik di UiTM Cawangan Negeri Sembilan melalui Jelajah MAYA PJIM&A yang baru dilaksanakan pada Februari 2022 yang lalu.

Maka saya menyokong sepenuhnya kandungan majalah ini yang merumuskan seluruh pembentangan yang telah dihuraikan semasa siri Jelajah MAYA PJIM&A tersebut disamping memperkenalkan dengan lebih terperinci lagi latar belakang akademik setiap koordinator unit dan penyelaras-penyelaras unit dibawah PJIM&A.

Saya percaya dengan perkongsian dari setiap jawatankuasa induk PJIM&A melalui Siri Jelajah MAYA PJIM&A yang lalu serta dirumuskan dalam bentuk MAJALAH PJIM&A ini, warga akademik UiTM Negeri Sembilan akan memperoleh pelbagai input khususnya berkenaan semua petunjuk prestasi (KPI) yang telah disasarkan oleh UiTM kepada Bahagian PJIM&A.

Sebelum mengakhiri kata-kata aluan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih terutamanya kepada jawatankuasa pengajur kerana berjaya melaksanakan Siri Jelajah MAYA PJIM&A tersebut sekaligus menerbitkan MAJALAH PJIM&A ini walaupun dalam kesibukan dan kesukaran kita berhadapan dengan keadaan semasa berikutnya pandemik Covid 19.

Semoga segala yang dikongsikan di dalam MAJALAH PJIM&A ini akan meningkatkan semangat warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan khususnya staf-staf akademik untuk terus cemerlang dalam usaha menaikkan nama kampus kita. Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Waramatullahhi Wabarakatuh.



# MADAH TIMBALAN REKTOR PJIM&A

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Salam UiTM di hatiku.

Terlebih dahulu marilah sama-sama kita merafak kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya Majalah PJIM&A berjaya diterbitkan buat julung kalinya mulai tahun 2022 ini. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga kerja yang terlibat di dalam menjayakan penerbitan Majalah PJIM&A ini terutama untuk Sidang Redaksi Majalah PJIM&A serta unit-unit di bawah PJIM&A iaitu ICAN, MASMED, RMU, UPP, UIP dan Unit Informasi Grafik, UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Saya sangat berbesar hati menyokong segala usaha yang dilaksanakan bagi menghasilkan Majalah PJIM&A ini dalam menyokong hasrat universiti ke arah Global Renowned University (GRU) 2025. Tambahan pula, melalui majalah ini, warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan khususnya berpeluang untuk mendapatkan ilmu dan bimbingan dari pelbagai sudut merangkumi hal-hal penerbitan, inovasi dan pengkomersilan, jaringan industri, alumni dan masyarakat,

keusahawanan juga hebahan informasi dan grafik berkaitan dengan aktiviti di Bahagian PJIM&A UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (PJIM&A) juga sentiasa mewujudkan ruang dan perancangan yang berterusan dalam meningkatkan aktiviti-aktiviti kerjasama dengan pelbagai pihak terutamanya wakil industri dan masyarakat yang merupakan salah satu agenda universiti dalam memastikan kemampamanan ilmu, pemantapan kesarjanaan, pembudayaan kreativiti dan inovasi serta melahirkan modal insan yang berwawasan dinamik.



DR SITI SARA IBRAHIM

Oleh yang demikian, Majalah PJIM&A ini akan diterbitkan setiap tahun bagi merangka dan mendedahkan aktiviti-aktiviti sepanjang tahun terutama yang melibatkan penyertaan pakar-pakar dari industri, semua pemegang taruh dalam industri termasuk pegawai penyelidik, ahli-ahli akademik, komuniti, agensi kerajaan dan pihak yang berpotensi untuk memajukan aktiviti ilmiah seperti perkongsian kepakaran dan perbincangan di peringkat universiti serta antarabangsa.

Sejajar dengan amalan norma baharu, Majalah PJIM&A adalah diterbitkan secara digital sesuai dengan pelbagai aktiviti yang kebanyakannya telah dijalankan secara atas talian sekaligus bagi membendung penularan wabak COVID-19. Ianya secara tidak langsung dapat menyediakan peluang kepada semua pihak untuk mendapatkan maklumat secara atas talian. Sebagai sektor pendidikan yang penting dan menyumbang kepada aktiviti percambahan ilmu dan peningkatan kualiti kehidupan, Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat bagi membendung penularan wabak COVID-19 telah menjadi tanggungjawab semua pihak bagi memastikan rantaian COVID-19 dapat diputuskan dalam menyokong usaha pemulihan ekonomi negara. Oleh itu, ayuh kita berikan sokongan kepada para koordinator dan penyelaras-penyelaras yang dilantik di bawah Bahagian PJIM&A ini bagi menjalankan tanggungjawab mereka dengan jayanya disamping menjadi pandu arah kepada hala tuju perjalanan warga akademik khususnya dalam memenuhi seluruh perancangan strategik yang telah ditetapkan di bawah fakulti, jabatan, unit dan persatuan yang dipertanggungjawabkan bagi setiap tahun.

Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya mengucapkan syabas sekali lagi untuk penerbitan MAJALAH PJIM&A 2022 ini.

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

# CORETAN KETUA PENGARANG



## JASHIRA JAMIN

Bismillahirahmanirrahim.

Assalamualaikum w.b.t.

Alhamdulillah syukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, Bahagian Penyelidikan Jaringan Industri dan Alumni (PJIM&A) berjaya menerbitkan Majalah (PJIM&A) UiTM Cawangan Negeri Sembilan buat julung-julung kalinya bagi tahun 2022. Penghasilan Majalah PJIM&A kali ini memaparkan informasi mengenai PJIM&A bagi setiap unit yang bernaung dibawah PJIM&A UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Gabungan hasil penulisan, aktiviti, mahupun perkembangan terkini menjadi satu wadah perkongsian buat warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada penulis dan pihak yang terlibat samada secara langsung mahupun tidak langsung dalam penerbitan Majalah PJIM&A kali ini. Tidak dilupakan kepada seluruh jawatankuasa sidang editor yang gigih dalam memberikan yang terbaik bagi penghasilan Majalah PJIM&A ini.

# PENTADBIRAN

---

# PJIM&A



---

## FAUZANA TUMPANG

---

PEMBANTU TADBIR KANAN  
[fauzana@uitm.edu.my](mailto:fauzana@uitm.edu.my)

---

## NURUL HANANI KAMARUDDIN

---

PEMBANTU TADBIR  
[nurulhanani@uitm.edu.my](mailto:nurulhanani@uitm.edu.my)

Unit Pengurusan  
Penyelidikan (RMU)

Unit Penulisan dan  
Penerbitan (UPP)

Unit Inovasi dan  
Pengkomersilan (UIP)

**PJIM&A**

GRADUATE  
EMPLOYABILITY

MOU/MOA

JARINGAN  
MASYARAKAT

JARINGAN INDUSTRI

PENGKOMERSIALAN

INOVASI

Unit Jaringan Industri,  
Masyarakat dan Alumni  
(ICAN)

Unit Pembangunan KPS  
dan Keusahawanan  
Malaysia (MASMED)

Unit Infografik dan  
Media (UIM)

# SETINGGI-TINGGI

# TAHNIAH BUAT SELURUH

# WARGA PJIM&A



**ANUGERAH TEMPAT PERTAMA BAHAGIAN/UNIT  
PERTANDINGAN ANUGERAH KUALITI REKTOR ANTARA  
BAHAGIAN (AKRAB 2021)**



**PENARAFAN ENAM BINTANG PENCAPAIAN PRESTASI  
PASUKAN PROJEK INISIATIF TAHUN 2021**



**ANUGERAH BIDANG TUMPUAN / TUJAHAN  
PENYELIDIKAN, PENERBITAN DAN PENGKOMERSIALAN  
PERTANDINGAN ANUGERAH KUALITI REKTOR ANTARA  
BAHAGIAN (AKRAB 2021)**



**ANUGERAH KRITERIA KEPIMPINAN BAHAGIAN/UNIT  
PERTANDINGAN ANUGERAH KUALITI REKTOR ANTARA  
BAHAGIAN (AKRAB 2021)**

**ANUGERAH KRITERIA HASIL BAHAGIAN/UNIT  
PERTANDINGAN ANUGERAH KUALITI REKTOR ANTARA  
BAHAGIAN (AKRAB 2021)**



**ANUGERAH KRITERIA KEPIMPINAN BAHAGIAN/UNIT  
PERTANDINGAN ANUGERAH KUALITI REKTOR ANTARA  
BAHAGIAN (AKRAB 2021)**



**ANUGERAH KRITERIA TUMPUAN PELANGGAN BAHAGIAN/UNIT  
PERTANDINGAN ANUGERAH KUALITI REKTOR ANTARA  
BAHAGIAN (AKRAB 2021)**



**ANUGERAH KRITERIA SUMBER MANUSIA BAHAGIAN/UNIT  
PERTANDINGAN ANUGERAH KUALITI REKTOR ANTARA  
BAHAGIAN (AKRAB 2021)**

## SEGMENT: FIGURA SIRI 1

## DR SITI SARA IBRAHIM



Dr Siti Sara Ibrahim merupakan pensyarah kanan dan kini dilantik sebagai Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (PJIM & A) di Universiti Teknologi MARA, Negeri Sembilan. Beliau memiliki PhD dalam bidang Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia dan dianugerahkan Graduate-on-time (GOT), Research Excellence Award dan Doctoral Excellence Award of Chancellor di peringkat PhD dan menerima Anugerah Kepimpinan Akademik (AAU) UiTM Cawangan Negeri Sembilan tahun 2021.

# SEGMENT FIGURA SIRI 1

## DR SITI SARA IBRAHIM

---

Beliau memulakan kerjayanya di Institusi Kewangan pada tahun 2007 sebelum menyertai UiTM pada tahun 2011. Sebagai pensyarah, selain dari aktiviti pengajaran dan pembelajaran, Dr. Siti Sara juga terlibat dalam projek penyelidikan, baik sebagai ketua penyelidik atau pun ahli bagi geran-geran nasional, industri dan antarabangsa. Berkaitan dengan karya penyelidikannya, beliau juga aktif terlibat sebagai pemeriksa jurnal dan persidangan, juri dan editor di beberapa jurnal tempatan. Oleh kerana minatnya yang tinggi dalam penyelidikan, inovasi dan program kemasyarakatan, beliau sentiasa aktif menyertai konferensi, pertandingan inovasi (IID) serta menjadi sukarelawan di beberapa organisasi “NGO” di Malaysia, misalnya; Akademi Rohingya Malaysia, Altruistik Malaysia, Muslim Volunteer Malaysia dan MERCY Malaysia. Dr Siti Sara telah memenangi banyak anugerah termasuk anugerah Akademik UiTM Negeri Sembilan, pembentang terbaik, serta anugerah khas pengkomersialan dan beberapa anugerah lain dalam pertandingan IID yang disertainya.



# KELUARGA MASMED



Tahun 2022 merupakan tahun bagi pertemuan Keluarga baru MASMED. Gabungan dari pelbagai latarbelakang bidang menguatkan lagi Keluarga Baru MASMED ini untuk sama-sama bergabung, belajar demi mencapai matlamat memartabatkan keusahawanan di seluruh universiti disamping mengukuhkan hubungan kemasyarakatan bersama komuniti sekitar dan industri kecil sederhana di Malaysia, khususnya Negeri Sembilan. MASMED UiTM Cawangan Negeri Sembilan terus berperanan proaktif dalam mewujudkan ekosistem keusahawanan yang kondusif dikalangan warga kampus terutamanya dikalangan siswa dan siswi dengan sokongan MASMED Induk di UiTM Shah Alam.


# MASMED:

## Peneraju Jaringan Keusahawanan & Syarikat Pemula Pelajar

Mempunyai pengalaman dalam bidang pendidikan tinggi selama 13 tahun. Dr Raja Mayang Delima Mohd Beta telah mengajar pelbagai subjek pengurusan termasuk subjek keusahawanan sejak tahun 2009 hingga sekarang. Bermula karier di UiTM Perak Kampus Seri Iskandar, dan berpindah ke UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah pada tahun 2019 setelah tamat PhD beliau dari USIM, Nilai, Negeri Sembilan.




Mempunyai beberapa pengalaman dalam pentadbiran keusahawanan seperti: Jkuasa Konvensyen Program Usahawan Muda (PUM) Peringkat Negeri Perak (2012), Ahli Jawatankuasa Ruang Niaga UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar(2012-2014), Jk Pengurusan Perniagaan Konvokesyen UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar (2012-2014), Jkuasa Program Karnival Keusahawanan Bulan Inovasi (2011), Delegates Committee Of International Conference On Innovation And Technology For Sustainable Built Environment (2012), UiTM Perak, Local Host For Entrepreneurial Corporate Talk Culture And Identity- Social Science And Modern Southeast Asia (2012) - Hotel Impiana Ipoh, Perak, Pembangun Modul Dan Penceramah Bengkel Pembangunan Modul Kepimpinan Pelajar (2015) - Kuala Kangsar, Perak, Penulis Strategik Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) - Stracomm Modul Keusahawanan (2019), Fasilitator International Community Engagement And Cross Fertilization Programme At Madrasah Al-Nur Ho Chi Minh, Vietnam - (2 September 2019), Penceramah Modul Sesi Interim Pelajar UiTMCNS: Changemakers Mindset - 2019 & 2020, Virtual Speaker For Innovation Competition Innocom 2020 Anjuran Aid Conference 15 July 2020, Master Trainer Finishing School Program Uitm Perak 2009 & 2010, Jkuasa Business Entrepreneurship And Innovation Colloquium 2019 UiTMCNS, International Committees For Various National And International Innovation Competitions (2018 - 2021), Kursus Asas Keusahawanan Anjuran Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) 23-24 June 2021, dan banyak lagi.



Merupakan penerima beberapa Anugerah Inovasi yang berkait dengan pengkomersialan produk seperti: International Convention On Applied Sciences And Humanities (Cash) 2021 - Technology And Research Exhibition (Trex) 2021, Best Poster Award & Best Video Award & Gold Award- Popped Barley: Invention Idea On Pearl Barley And Hulled Barley, Silver Award - Pandan Straw: Eco-Friendly And Biodegradable Solutions, Silver Award - Smart Eco Printer, Silver Award - Footsense: Missing Children Solutions With Inventive Sandal And Technology Applications, Isic Ii 2020 – Double Gold Award – Penghasilan 3f Suku Kata Papan Ajaib Untuk Murid Dislexia Di Dyslexia Centre, Pontian, Johor, (Innovation In Education And Teaching Category) – October 2020, Gold Award - Penghasilan 3f Suku Kata Papan Ajaib Untuk Murid Dislexia Di Dyslexia Centre, Pontian, Johor, (Innovation In Education And Teaching Category) – October 2020, Bronze Award – Pembangunan Qr Code Subjek Ent300 – Oct 2020, Bronze Award – Penghasilan Affordable Diy Face Shield Untuk Masyarakat Pedalaman Di Lubok Antu, Sarawak – Oct 2020, Bronze Award – Mod-Ex V1.0 (Modul Pengurusan Eksekutif Dan Kepimpinan Tertinggi) – Oct 2020, Bronze Award – Pnp Edu5.0 @ Fbm Digital – Oct 2020, Bronze Award – Fbm App – E-Learning During Pandemik Covid19 – Oct 2020, International Science And Social Science Innovation Competition (Isic I 2019), Double Gold Award For Emcee Kit Project November 2019, Gold Award For Emcee Kit – Project November 2019, Silver Award For Etabung Umrah Apps For Poster Competition November 2019, Silver Award For E-Karya Apps November 2019, Silver Award For Tie Dye Kit November 2019, Bronze Award For Tie Dye Kit July 2019 Dalam Pertandingan Inovasi Pensyarah Tvet (Perisa 2019) . Terkini, pada tahun 2021, telah memenangi beberapa anugerah inovasi hasil penyertaan bersama pelajar, untuk produk Popped Barley (Gold Award, Best Video Award dan Best Product Idea Award), Footsense Sandal (Silver Award), Pandan Straw (Sliver award) dan Smart Eco Printer (Silver award) dalam The 1st International Convention on Applied Science and Humanities, the 1st Technology and Research Exhibition (TREX) 2021.

Bagi penglibatan akademik: Terkini beliau memenangi ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KATEGORI E-LEARNING 2021, beliau dianugerahkan sebagai PROPENS STAR peringkat UiTM Cawangan Negeri Sembilan 2021 dan beliau juga telah diumumkan sebagai TOP 100 SUFO AWARD 2021 peringkat UiTM SeMalaysia.

Pernah terlibat sebagai juri Pertandingan Inovasi Peringkat Nasional Dan Antarabangsa seperti: Itrex July 2019 – Anjuran Kuis, Inovasi Ipgda Kedah 2019, Beic 2019 – Uitmcsns, Innocom 2019 – Aid Conference, Innocom 2020 – Aid Conference, Isic I 2019 – Aid Conference, Isic II 2020 – Aid Conference, Gviids 2021 – Uitm Kelantan, Isic III 2021 – Aid Conference, Vmieex 2021 – UiTM Melaka, Dilce'2021 Anjuran Ipgda Kedah, Bizfame 2021 – UiTM Kedah dan banyak lagi.



*YM Dr Raja Mayang Delima Mohd Beta  
Koordinator MASMED UiTM Cawangan  
Negeri Sembilan*

Emel Rasmi:

drmayang@uitm.edu.my



# PENYELARAS MASMED KAMPUS SEREMBAN



**NUR ALIA AMIRNORDIN**  
**PENYELARAS LATIHAN**  
**KEUSAHAWANAN SOSIAL**

Telah berkhidmat untuk UiTM selama 12 tahun sejak 2010 bermula di UiTM Kampus Seri Iskandar, Perak, kemudian di UiTM Kampus Tapah dan kini meneruskan khidmat di UiTM Kampus Seremban. Mempunyai sedikit pengalaman menjalankan dan menguruskan aktiviti keusahawanan melibatkan pelajar dan bukan pelajar. Berpengalaman mengajar kod ENT300 bermula pada tahun 2011 dan ENT530 bermula di Kampus Seremban. Mempunyai pengalaman sebagai panel penilai perancangan perniagaan pelajar bagi kod ENT300, ENT530 dan ENT600 sejak 2011 sehingga kini. Juga menjadi juri pertandingan inovasi peringkat pelajar Diploma dan Ijazah UiTM di Kampus Seri Iskandar, Tapah dan Seremban. Antara sumbangan dalam program keusahawanan adalah Urusetia dan Panel Penilai Pertandingan Bet On Idea (2021), Urusetia dan Panel Penilai Program Innovation Idea Celebration (IIC) 2020 dan 2021, Ahli Jawatankuasa webinar 'Innovation Competition: Tips Towards Forming A Medal-Winning Mindset' (2021), Panel Penilai dan Urusetia Karnival Keusahawanan ENT300 (2019), Fasilitator Changemakers Mind Set (Modul MASMED) 2019, Urusetia TECHNOPRENEUR WAVE 3.0 DI UiTM Rembau (2019), Urusetia Pameran Jabatan Dan Agensi Sempena Karnival Food Fest Negeri Sembilan (NS Fest 2019), Panel Penilai dan Urusetia Program PRODUCT IDEA INNOVATION SHOWCASE (PRIDE 2019), Urusetia POCKET TALK: STUDENTS' BUSINESS OPPORTUNITIES (2019).

Mempunyai pengalaman mengajar di UiTM selama 12 tahun. Telah mengajar subjek subjek Matematik di bawah Jabatan Sains Komputer dan Matematik Kampus Kuala Pilah dan kini di Fakulti Sains Komputer dan Matematik Kampus Seremban. Pengajaran di Kampus Kuala Pilah melibatkan servicing kepada Fakulti Sains Teknologi manakala di Kampus Seremban melibatkan Fakulti Sains Komputer dan Matematik serta Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi.

**NUR RASYIDA MOHD RASHID**  
**PENYELARAS JARINGAN & PENJANAAN**



Berpengalaman selama 11 tahun dalam bidang pendidikan tinggi. Telah mengajar subjek keusahawanan seperti ENT300, ENT530 dan ENT600 sejak dari tahun 2011 hingga sekarang. Merupakan LIC kursus ENT530 di UiTMCNS Kampus Seremban bermula 2017 hingga kini. Pernah menjadi penceramah program Changemakers Mindset sesi Interim pelajar diploma UiTMCNS Kampus Seremban pada tahun 2018-2020 dan Mentor Projek Keusahawanan Pelajar UiTMCNS (2021).

Mempunyai pengalaman dalam pentadbiran keusahawanan di UiTMCNS seperti Ahli JKuasa Program Usahawan Muda Kreatif (2017), Pertandingan Technopreneurwave (2018), Fearless Innovation Redefine (2018), Pocket Talk: Business Opportunities for Students (2018-2019), Produk Idea Innovation Showcase (2018-2019), Karnival Keusahawanan ENT300 (2019) dan Innovation Idea Celebration (2020-2021). Pernah terlibat sebagai panel penilai projek keusahawanan pelajar UiTMCNS Kampus Seremban bagi subjek ENT300 (2015-2018) dan ENT600 (2016-2021). Juga turut menjadi panel juri di UiTMCNS bagi Technopreneur Creation Program (2020) dan Pertandingan Bet on Idea (2021).

**NORHANIZA MD AKHIR**  
**PENYELARAS LATIHAN KEUSAHAWANAN SISWA**

Dr Hjh Dalila Haji Daud merupakan Penyelaras MyAgrosis Kampus Seremban, UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Beliau mula memegang jawatan ini semasa menjadi Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar & Alumni pada tahun 2010. Hasil kerjasama beliau dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) lebih daripada 10 tahun telah memberi keyakinan kepada (FAMA) untuk membayai dua buah kiosk di bawah seliaan MyAgrosis iaitu K-Shoppee dan My K-Kopie yang bernilai RM75,000 di Kampus Kuala Pilah dan Seremban. Mempunyai projek konsultansi dengan FAMA berjumlah RM108,500 pada tahun 2021. Giat aktif dalam kerjasama beberapa agensi tempatan dan antarabangsa termasuk Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan banyak lagi agensi. Beliau juga telah menerima penghargaan Anugerah Cemerlang 2005 dan 2011, Anugerah Terbaik (ACADEMIC) 2012, Anugerah Penyelidik Aktif 2012, Anugerah Rektor 2012 dan Anugerah Maal Hijrah 2012.

Selain daripada sumbangan terhadap bidang penyelidikan, beliau juga aktif dalam penerbitan buku dan penulisan berimpak tinggi di peringkat SCOPUS dan WOS. Pengiktirafan terhadap kepakaran dan ilmu yang dimiliki melayakkan beliau diberi peluang untuk menyampaikan ceramah di dalam dan di luar negeri seperti di UiTM, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Sembilan dan Universitas Islam Indonesia (UII). Sumbangan ilmu berterusan apabila beliau telah diberi kepercayaan untuk menulis Manual Perakaunan Wakaf dibawah Jabatan Wakaf, Zakat dan haji (JAWHAR), JPM dan terkini dua polisi dasar kerajaan iaitu Pelan Induk Wakaf Nasional 2021- 2030 oleh Yayasan Wakaf Malaysia dan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Mencegah dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN).



**DR HJH DALILA DAUD**  
**PENYELARAS MYAGROSIS**

# PENYELARAS MASMED KAMPUS REMBAU



Merupakan seorang pensyarah kanan dan telah berkhidmat lebih 11 tahun dalam bidang Pemasaran di Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) Kampus Rembau. Beliau berkelulusan Masters in Business Administration (MBA) Universiti Teknologi MARA pada tahun 2009. Sepanjang berkhidmat dalam universiti awam, beliau telah mengajar beberapa kursus berikutan keusahawanan dan perniagaan seperti; ENT600, ENT530, ENT300. Beliau juga merupakan koordinator MASMED pertama yang dilantik di UiTMCNS pada tahun 2011. Di antara inisiatif keusahawanan yang telah beliau jalankan sepanjang tempoh perkhidmatan adalah seperti berikut, Program perintis keusahawanan muda, UiTMCNS, Penubuhan Kelab Kosiswa, UiTMCNS, Mentor keusahawanan, Push cart keusahawanan mahasiswa, UiTMCNS, Menubuhkan tabung-tabung Amanah berkaitan keusahawanan, UiTMCNS Ahli Myagrosis, UiTMCNS, Ahli jawatankuasa Conference Keusahawanan di bawah MASMED Shah Alam. Beliau juga aktif dalam penyelidikan dan penulisan artikel berkaitan keusahawanan. Beliau sedang melanjutkan pengajian secara sambilan di peringkat PhD di Universiti Malaysia Terengganu dalam bidang Brand Management.

## FARAH NADIA BAHRUDDIN

### PENYELARAS LATIHAN KEUSAHAWANAN STAF DAN ALUMNI

Memulakan kerjaya sebagai pensyarah di Fakulti Perakaunan UiTM Shah Alam. Pernah berkhidmat di UiTM Cawangan Kedah dan sekarang berkhidmat secara “servicing” di UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau di bawah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan. Bidang kepakaran adalah Cost and Management Accounting, Financial Management, Strategic Management and Financial Accounting. Juga berpengalaman mengajar kod ENT300/ETR300 semasa berada di Rembau. Memenangi pingat Perak di IIDEK 2019 dengan projek EZEVENT V2 dan juga di IIDEK 2020 dengan projek MyDP. Menjadi mentor kepada kumpulan inovasi pelajar dengan projek De' Fusion Tea di IPIC 2020 dan turut memenangi pingat Perak. Berpengalaman menjadi juri kepada Pembentangan Rancangan Perniagaan untuk kod ENT300/ETR300 pada tahun 2018 dan 2019. Turut dipilih menjadi panel penilai bagi Innovation Idea Celebration (IIC), Bet on Idea, Program Video Pitching Competition 2.0 dan Graduate Digital Invention Innovation and Design (GDIID) pada tahun 2021.

### SYAZLIANA KASSIM

### PENYELARAS LATIHAN KEUSAHAWANAN SISWA



Mempunyai pengalaman 9 tahun dalam bidang pengajian tinggi. Pengkhususan dalam bidang pengurusan maklumat. Pernah berkhidmat sebagai Pustakawan di Perpustakaan UniMAP sebagai Pustakawan Runding Maklumat. Mempunyai pengalaman dalam beberapa pertandingan IID, juri bagi IID pelajar di UiTM Rembau anjuran MASMED serta merupakan ahli penggerak bagi projek E-COF peringkat UiTM seluruh Malaysia. Berpengalaman dalam membantu pelajar mempromosikan produk & servis sebagai syarat dalam memenuhi keperluan subjek bagi pelajar dibawah seliaan Fakulti Pengurusan Maklumat. Mempunyai minat mendalam dalam bidang perniagaan mendorong kepada membantu suami menaikkan perniagaan enterprise yang ditubuhkan lebih setahun yang lalu.

## JASHIRA JAMIN

### PENYELARAS MYAGROSIS

Merupakan seorang pensyarah muda yang telah berkhidmat selama lima tahun di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media. Beliau telah memulakan kerjaya sebagai pensyarah di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau. Beliau berkelulusan Sarjana Komunikasi Korporat di Universiti Putra Malaysia (UPM), dan telah bergraduasi pada tahun 2016 dengan CGPA 3.96. Sepanjang tempoh beliau berkhidmat di universiti awam, beliau telah mengajar beberapa kursus dalam bidang komunikasi seperti Broadcast Critique (BRO551), Communication Theory (COM530), Interpersonal Communication (INC271), Sociology (LIB102), Quantitative Data Analysis for Communication Research (COM570). Beliau baru sahaja menggalas tanggungjawab sebagai Penyelaras Keusahawanan Sosial di Kampus Rembau bermula tahun 2021. Berikut merupakan senarai projek MASMED yang telah disumbang oleh beliau: 1. Pensyarah pengiring program SIMPLISITI di Kampus Shah Alam 2. Penyumbang kertas projek I-ENVEX (kolaborasi antarabangsa)

### MUHAMMAD FIRDAUS MOHD DAUD

### PENYELARAS LATIHAN KEUSAHAWANAN SOSIAL



# PENYELARAS MASMED KAMPUS KUALA PILAH



Memiliki Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kimia Organologam daripada Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 2019. Minat beliau dalam bidang keusahawanan bermula sejak bergelar mahasiswa dan telah menjalankan beberapa perniagaan di atas talian sebelum menceburi bidang akademik sebagai pensyarah di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah. Beliau pernah memegang jawatan Penyelaras Keusahawanan Sosial (2 Oktober 2019 – 1 Oktober 2020) dan Penyelaras Latihan dan Keusahawanan Siswa (1 Oktober 2020 – 30 September 2021) di Kampus Kuala Pilah. Terkini, beliau sedang giat mengusahakan dan mempromosikan satu produk inovasi baharu yang bertujuan memudahkan para pelajar sains membuat nota secara lebih sistematis dan profesional iaitu MYChemVaz: Creating Chemistry Notes Easier.

**DR SITI SYAIDA SIRAT**  
**PENYELARAS LATIHAN KEUSAHAWANAN SISWA**



Merupakan Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan di UiTM Seri Iskandar (Perak), UiTM Tapah (Perak) dan terkini berkhidmat di Jabatan Pengurusan dan Perniagaan di UiTMCNS Kampus Kuala Pilah Cawangan Negeri Sembilan. Telah berkhidmat selama 12 tahun di UiTM dan mempunyai pengkhususan dan kepakaran dalam bidang pengurusan seperti pengurusan strategik, pengurusan majlis, pengurusan dan pentadbiran pejabat serta subjek keusahawanan untuk pelajar bagi kod ENT600 dan ENT300. Sepanjang perkhidmatan, telah melibatkan diri dalam beberapa aktiviti keusahawanan seperti JK Konvensyen Program Usahawan Muda (Pum) Peringkat Negeri Perak (2012), Ahli Jawatankuasa Ruang Niaga Uitm Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar(2012-2014), JK Pengurusan Perniagaan Konvokesyen Uitm Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar (2012-2014), JK Program Karnival Keusahawanan Bulan Inovasi (2011), Delegates Committee Of International Conference On Innovation And Technology For Sustainable Built Environment (2012), UiTM Perak, Pembangun Modul Dan Penceramah Bengkel Pembangunan Modul Kepimpinan Pelajar (2015) – Kuala Kangsar, Perak dan banyak lagi.

**NORDAYANA ZULKIFLI**  
**PENYELARAS MYAGROSIS**



**DR ASIAH ALI**  
**PENYELARAS**  
**INFORMASI**  
**DAN PENERBITAN**

Mempunyai pengalaman Pendidikan selama 10 tahun (swasta dan awam). Telah mengajar subjek keusahawanan ENT300 apabila bertapak di UiTM pada tahun 2010 sebagai pensyarah sambilan sepenuh masa, dan diberi kepercayaan sehingga kini sebagai “Lecturer in Charge”. Mempunyai pengalaman persendirian menguruskan perniagaan seperti makanan dan minuman di karnival-karnival, hari terbuka sekolah, pasar tani FAMA, pasar malam dan secara atas talian. Pengalaman ini dapat mengaplikasi ilmu keusahawanan seterusnya dapat membuka peluang pekerjaan kepada yang memerlukan. Jesturu, selok belok perniagaan serta peraturan setempat yang perlu dipenuhi. Memegang pelbagai jawatan di dalam UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah seperti, Wakil Fakulti (Spokesperson) Bahagian PJIM&A UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Penulis Bersama bagi Laporan Anugerah Kualiti Rektor Antara Bahagian (AKRAB), Jabatan Pengurusan dan Perniagaan (JPP), AJK Kebajikan Kelab Pensyarah UiTMCNS Kampus Kuala Pilah, Panel Penilai Pertandingan Bet On Idea UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Juri Bagi Program International Science And Social Science Competition 2021 (I-SIC III), Penceramah “Tip Penulisan Akademik Yang Baik Dari Kaca Mata Penilai (Reviewer)”, Juri Technopreneurwave 3.0 dan OE Trainer, Unit Kualiti UiTMCNS.

**DR NUR AZIRA MOHD NOOR**  
**PENYELARAS LATIHAN KEUSAHAWANAN SOSIAL**



Dr. Nurazira Mohd Nor memiliki Ijazah Doktor Falsafah (Kimia) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2019. Mula berkhidmat di UiTM Kuala Pilah pada Jun 2020. Merupakan Pensyarah Kanan Kimia di Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar, UiTM Kuala Pilah. Mempunyai minat dalam bidang keusahawanan dan memegang jawatan sebagai Penyelaras Keusahawanan Sosial Kampus Kuala Pilah bermula 1 Oktober 2020 hingga kini. Pernah terlibat dalam program Kursus Asas Keusahawanan Startupbiz @Siswapreneur 2.0 pada 22 Mei 2021 dan program Youtubepreneur 2021 pada 3-4 Julai 2021.

# PROGRAM MASMED 2021



**Cawangan Negeri Sembilan**

**MASMED**  
Entrepreneur Academy of SME and Entrepreneurship Development

**Kursus Asas Keusahawanan Startupbiz@Siswapreneur 2.0**

**PENCERAMAH JEMPUTAN:**  
**HANNA LOLA**  
LEADER PLANNERANA

**TARAF BELAKANG:**  
Alumni UITM  
One Coaching Practitioner  
Virtual Learn Caster  
i-Motivator

**Tarikh:** 22 Mei 2021 (Sabtu)  
**Masa:** 9.00 am - 1.00 pm  
**Platform:** Google Meet  
**Peraturan:** Perikan sebelum program)

**Terbuka Kepada Semua Pelajar UITMCNS.**  
**Sijil Penyertaan Disediakan.**

**There's always a way to....**  
**"Be a YouTubepreneur"**

**YouTuber: Akil Nusir GajetNAW MY**



**Cawangan Negeri Sembilan**

**TECHNOPRENEURWAVE 5.0**

**AWARD CEREMONY**  
**BUSINESS MODEL CANVAS COMPETITION**  
**"BET ON IDEA"**

# TAPAK RUANGNIAGA MASMED



**2 TAPAK  
KAMPUS REMBAU**



**3 TAPAK PUSHCART  
KAMPUS KUALA PILAH**



**3 TAPAK  
KAMPUS SEREMBAN**

## PELUANG PERNIAGAAN UNTUK MAHASISWA UITM

MASMED UiTM Cawangan Negeri Sembilan sentiasa menyediakan platform perniagaan kepada mahasiswa dan mahasiswi dalam mendidik budaya keusahawanan di kalangan mereka, antara inisiatif MASMED adalah menyediakan ruangniaga dengan kadar sewa yang sangat rendah, melatih pelajar-pelajar untuk berniaga dan menggalakkan pelajar-pelajar berdaftar dengan SiswaMall- Shopee.<sup>AMA</sup>



**MYKOPIE - FAMA  
KAMPUS SEREMBAN**

**KOMUNITI, 'INDUSTRY TALK' & ALUMNI  
(ONLINE)**  
PIC : PUAN ASMAHANIM HJ. MOHAMAD YUSUF

**OKT 5**

**PERASMIAN, PENGUMUMAN PEMENANG IID (GOLD) &  
ANUGERAH APRESIASI REKTOR (AAR)  
(ONLINE & FIZIKAL)**  
IID (HYBRID) – EN ADAM FEIZREL LINOBY RONNY LINOSY  
AAR – YM DR RAJA MAYANG DELIMA MOHD BETA

**OKT 6**

**AKTIVITI JUALAN DAN KEUSAHAWANAN  
(ONLINE & FIZIKAL)**  
PIC : YM DR RAJA MAYANG DELIMA MOHD BETA

Visit our website for more info  
[www.yourwebsite.com](http://www.yourwebsite.com)

# TABUNG KEUSAHAWANAN SISWA

UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

MASMED  
Malaysian Academy of SME &  
Entrepreneurship Development

Pinjaman mudah tanpa faedah untuk pelajar UiTM seluruh Malaysia.

Pinjaman berjumlah RM500 hingga RM3000

Tempoh bayaran balik selama 10 bulan dari tarikh penerimaan

**SYARAT KELAYAKAN**

- 1 Merupakan pelajar UiTM sepenusi masa
- 2 Baru memulai perniagaan atau mengembangkan perniagaan
- 3 Menghadiri temuduga yang telah ditetapkan

3 Muat turun laman  
Isi dan dokument di dalam permohonan  
5 Hantar Kordinat Cawangan Pejabat

03-55435662/5669/5675 <https://masmed.uitm.edu.my>

[masmeduitm](#) [masmeduitm](#) [masmeduitm](#) [@masmeduitm](#)

"K  
MAS



# FOLLOW US



Facebook: MASMED Negeri Sembilan

Instagram: MASMED UiTM CNS

Youtube: MASMED TVN9 Channel

Twitter: MASMED UiTM CNS

Whatsapp Group Latihan Staf: EEE MASMED UiTM CNS

Whatsapp Group Mahasiswa: MASMEDN9 STARTUP SISWA

Whatsapp Group Kelab: MyAGROSIS SEREMBAN

Whatsapp Group Kelab: MyAGROSIS REMBAU

**NESCAFÉ**

Youth Entrepreneurship Program  
2020



# Share your Entrepreneurial Success Stories

& win cash prizes

# PROGRAM 2022

MASMED telah mengatur Projek  
'Industrial Linkages & Startups'  
ILS 1.0 bagi tahun 2022.


JOIN US WITH  
**myENT**

BE PART OF THE BUSINESS NETWORK  
DISCUSSIONS • INFORMATION • EVENTS • GROWTH  
BRAINWAVE • INNOVATION • STARTUP • FINANCIAL  
INVESTMENT • COMMERCIALISATION • OWNERSHIP

REGISTER FOR  
ONLY FOR GROWTH  
OWNERSHIP



# RISALAH PLANET MASMED UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN EDISI 1/2022



SELURUH WARGA UiTM CAWANGAN  
NEGERI SEMBILAN DIJEMPUT  
MENYUMBANG ARTIKEL  
KEUSAHAANAN DI DALAM RISALAH  
PLANET MASMED UNTUK TERBITAN  
JUN 2022, IKUTI HEBAHAN YANG  
DIBUAT MELALUI EMEL RASMI UiTM.



# ICAN: MEMANGKIN USAHA SAMA INDUSTRI, ALUMNI & KOMUNITI

# UNIT ICAN UITM CNS

ICAN (Industry, Community, Alumni Network) Unit  
ICAN Community Network Centre (CNC)  
Rembau. Industry Network Centre (INC), Alumni  
Network Centre (ANC) dan Graduate  
Employability (GE).



# KOORDINATOR ICAN

*ASMAHANIM BINTI HAJI MOHAMAD YUSUF MERUPAKAN SEORANG PENSYARAH DI AKADEMI PENGAJIAN BAHASA UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN.*



Selain menjadi juri dalam pelbagai pertandingan inovasi, Puan Asmahanim juga aktif melibatkan diri sebagai juri bagi acara yang dianjurkan oleh organisasi luar seperti Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan Open University Malaysia (OUM).

Kini, beliau juga menggalas tanggungjawab sebagai Subject Expert Luar bagi program Diploma in Business Management (DBM), INTEC Education College bagi kursus Public Speaking (BMEL150). Puan Asmahanim juga pernah menggalas tugas sebagai Editor pagi beberapa penerbitan dalaman dan buku akademik.




**PUAN ASMAHANIM BINTI HAJI MOHAMAD YUSUF**

Beliau mempunyai pengalaman selama 10 tahun dalam bidang akademik dan kini menggalas tugas sebagai Koordinator Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Sebelum menyertai UiTM, beliau pernah berkhidmat di American Degree Foundation Program, Taylor's University dan Jabatan Bahasa Inggeris, INTEC Education College. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Kepujian) Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua pada tahun 2012 dan Sarjana Pendidikan Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua pada tahun 2013 dari Universiti Teknologi MARA. Bidang kepakaran yang diceburi oleh beliau meliputi kajian linguistik, pembelajaran terarah kendiri dan sosiolinguistik.

Beliau pernah membentangkan hasil kajian di pelbagai koferensi peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu, beliau aktif melibatkan diri dalam pertandingan inovasi dan pernah mengetuai beberapa kumpulan yang memenangi pingat emas dalam pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti Melaka International Intellectual Exposition and Invention, Innovation and Design dengan projek-projek yang mengetengahkan inovasi pembelajaran Bahasa Inggeris bagi pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi.

# MEMANGKIN USAHA SAMA INDUSTRI, ALUMNI DAN KOMUNITI



# PENYELARAS

## KAMPUS


### KUALA PILAH

Ts. Dr. Asiah Abdullah adalah seorang Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah. Beliau dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Kimia Organik pada tahun 2019, Ijazah Sarjana dalam bidang Kimia Bahan pada tahun 2012 dan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kimia pada tahun 2009 dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Di peringkat profesional, beliau adalah seorang teknologis berdaftar di bawah Malaysia Board of Technologists.





### SEREMBAN

Nik Mahfuzah Nik Mat merupakan seorang pensyarah Bahasa Ketiga di Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Kampus Seremban. Beliau merupakan lepasan graduan ijazah daripada Universiti Malaya (UM) di dalam bidang Bahasa dan Linguistik. Seterusnya, pada tahun 2013 di universiti yang sama, beliau memperoleh ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden. Bidang pengajaran beliau adalah Bahasa Arab untuk pelajar sepenuh masa dan pengajaran jarak jauh (PJJ) di peringkat ijazah serta diploma.



### REMBAU

Amirah Abu Hassan ialah pensyarah kanan di Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Negeri Sembilan Kampus Rembau. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat (Kepujian) pada tahun 2007 daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM). Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Pengurusan Maklumat (Pengurusan Rekod) daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM). Bidang pengajaran beliau adalah Pengurusan Rekod, file classification, arrangement and archive description, electronic record dan record center.



# PENYELARAS

## COMMUNITY NETWORK CENTRE (CNC)



Ahmad Husaini Mohamed merupakan seorang pensyarah di Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Gunaan, UiTM Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains (Sains Kimia) dari Universiti Malaysia Terengganu pada 2009 dan Ijazah Sarjana Sains (Kimia) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia pada 2010. Kini beliau dalam proses mengikuti pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD) di Institut Perubatan dan Pergigian Termaju, USM dalam bidang kimia analisis (kaedah pemisahan kimia).



Nur Amirah Nabihah binti Zainal Abidin merupakan pensyarah Bahasa Inggeris di bawah Akademi Pengajaran Bahasa, UiTM Kampus Seremban. Beliau merupakan lepasan graduan ijazah dari Universiti Putra Malaysia di dalam bidang Bachelor in English dan pada tahun 2018 beliau telah berjaya mendapatkan segulung ijazah sarjana di dalam bidang Master in Linguistics. Beliau juga pernah berjaya memenangi 'short story competition' dan diterbitkan di bawah 'A Collection of Real Stories Vol 1 book' pada tahun 2017.



Dr Zahril Shahida Ahmad ialah Pensyarah kanan di Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Negeri Sembilan Kampus Rembau. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Kemanusian (Kepujian) pada tahun 2001 daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Sains Perpustakaan & Maklumat juga daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 2002. Seterusnya pada tahun 2018, beliau dianugerahkan Ijazah Kedoktoran (Pengurusan Maklumat) daripada Universiti Teknologi MARA Malaysia.

# PENYELARAS

## INDUSTRY NETWORK CENTRE (INC)



Ts. Nadya Hajar adalah salah seorang pensyarah di Fakulti Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Bioteknologi (Makanan) pada tahun 2009 dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Beliau kemudiannya memperolehi Ijazah Sarjana (Sains) Bioteknologi Makanan pada tahun 2015 dari UiTM Shah Alam. Bidang pengajaran beliau tertumpu kepada Penilaian Sensori Makanan, Analisa Makanan, Penyelidikan dan Pembangunan Produk Makanan.

Cik Aida Roha binti Abdul Rasid merupakan pensyarah di Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban. Beliau memperolehi Diploma Sains pada tahun 2008 daripada Universiti Teknologi MARA Kampus Kuala Terengganu. Seterusnya, pada tahun 2011, beliau telah menamatkan pengajian dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sukan (Kepujian) di Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. Selain itu beliau juga telah bergraduasi pada tahun 2018 dalam jurusan Ijazah Sarjana Sains Sukan (Penyelidikan) juga di UiTM, Shah Alam.



Mohd Faisal Bin Md Noor seorang pensyarah di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Kampus Rembau. Beliau memperolehi Sarjana dalam bidang Komunikasi Korporat dari Universiti Putra Malaysia. Bidang pengajaran beliau adalah kewartawan. Antara pencapaian beliau adalah memperolehi sijil penghargaan dari Kedutaan Tunisia, Kedutaan Nigeria dan Kedutaan Belgium. Beliau pernah menerima Anugerah Fasilitator UPM Terbaik.

# PENYELARAS

## ALUMNI NETWORK CENTRE (ANC)



Nor Ashikin Sahrom merupakan pensyarah matematik di Fakulti Sains Komputer dan Matematik UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah. Beliau memperolehi Diploma Sains Kuantitatif di UiTM Seri Iskandar, Perak pada 2009 dan seterusnya Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Matematik pada tahun 2012 di UiTM Shah Alam. Pada 2014, beliau telah menamatkan Sarjana Muda Matematik Gunaan di UiTM Shah Alam dalam bidang Fuzzy Mathematics. Beliau telah berkhidmat di UiTM Cawangan Negeri Sembilan selama 7 tahun.

Nur Lina Binti Abdullah memulakan perkhidmatan sebagai pensyarah matematik di Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Cawangan Negeri Sembilan pada tahun 2009. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana dalam bidang Matematik dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Sepanjang perkhidmatan selama hampir 12 tahun, beliau telah mengajar di beberapa pusat pengajian, antaranya adalah Pusat Asasi, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains Gunaan dan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi.



Fadliza Mohd Zaki merupakan pensyarah di Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Science in Information dan Sarjana Muda dalam bidang Library Science. Bidang pengajaran beliau adalah Information Management, Library Management, Information Literacy & Skills. Antara pencapaian beliau adalah Anugerah Inovasi dan Pengkomersilan Produk 2020 di Anugerah V-Khas 2020 UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Beliau pernah dinobatkan Juara bagi Kategori Akademik di Pertandingan Kecemerlangan Operasi 2020.

# PENYELARAS

## GRADUATE EMPLOYABILITY (GE)



Dr Muhammad Aidil Ibrahim merupakan seorang pensyarah kanan di Pusat Pengajian Biologi, Fakulti Sains Gunaan, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah. Pada tahun 2013, beliau telah memperolehi sijil Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Bioteknologi daripada California State Polytechnic University, Pomona, USA dan Ijazah Sarjana di Universiti Teknologi MARA, Shah Alam dalam bidang Sains Bahan. Kini beliau aktif dalam aktiviti pengajaran subjek-subjek seperti Genetics, Virology, Biochemistry, dan juga Analytical Biochemistry.

Nurul Aini Abdul Wahab merupakan pensyarah di Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Kampus Seremban. Beliau memiliki Ijazah Sarjana dalam bidang pengajian statistik gunaan. Bidang pengajian beliau adalah Applied Multivariate Statistics, Fundamentals to Research Methodology (Quantitative). Beliau pernah berkolaborasi bersama pensyarah sains komputer dan FSPPP dalam membangunkan Self Directed Personality Trait Assessment System (SEL - P system) dan dianugerahkan Pingat Perak di pertandinga IIIDEX 2017 di UiTM Shah Alam, Selangor.



Siti Nur Faizilah Abdullah telah berkhidmat sebagai seorang pensyarah di institusi pengajian tinggi bermula pada tahun 2015. Kini, beliau ialah seorang pensyarah muda di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau. Memperolehi Ijazah Sarjana Muda di dalam bidang Komunikasi Antarapersonal pada tahun 2011 dan memperolehi Ijazah Sarjana dalam bidang Komunikasi Massa pada tahun 2013 dari Universiti Teknologi MARA (UiTM).





Bahagian Penyelidikan,  
Jaringan Industri,  
Masyarakat dan Alumni

# UNIT ICAN

**1**

Mewujudkan hubungan dan kerjasama yang saling menguntungkan melalui memorandum persefahaman/perjanjian

**2**

Membantu kerjasama bersama industri dan alumni

**3**

Sumber sokongan kepada luar dan pembiayaan untuk program dan projek universiti

**4**

Menggunakan kepentingan luar dan rangkaian kepada subbahagian ICAN

**5**

Mengkaji dan mengekalkan rangkaian dan hubungan untuk komuniti universiti



Bahagian Penyelidikan,  
Jaringan Industri,  
Masyarakat dan Alumni

## FUNGSI UNIT ICAN UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



### KERJASAMA AKADEMIK-INDUSTRI

- Aktiviti Jaringan
- Perkongsian Kepakaran
- Teknologi & Pembangunan Infrastruktur



### PENGLIBATAN DALAM PROGRAM BERIMPAK TINGGI

- Industri Antarabangsa
- Industri Tempatan



### MEMORANDUM PERSEFAHAMAN & MEMORANDUM PERJANJIAN

- Industri Tempatan
- Industri Antarabangsa
- Universiti Tempatan



### KERJASAMA ANTARA KOMUNITI DAN AKADEMIA

- Perkongsian Kepakaran
- Perkongsian Pengetahuan & Teknologi



### MENYUSUN-ATUR & MENYELARAS PROGRAM KOMUNITI BERIMPAK

- Rakan Kongsi Komuniti
- Institusi Berkaitan
- Badan Bukan Kerajaan




### KEBOLEHPASARAN GRADUAN

- Program Dalaman Kebolehpasaran Graduan



### ALUMNI

- Persatuan Alumni Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan



# AKTIVITI ICAN 2021

**FSKM WEEK 2021**

**TUTOR LIVE**

**REMOTE GLOBAL OUTREACH PROGRAMME 5.0 (rGOP 5.0)**  
"A GLOBAL COLLABORATION TOWARDS PRODUCING DYNAMIC GRADUATES"

**DAY 1 | GRADUATE EMPLOYABILITY FORUM**

**COVID-19 AND GRADUATE EMPLOYABILITY: INSIGHTS FROM THE INDUSTRY AND UNIVERSITIES**

OCT 16, 2021 (SATURDAY) 9:30 AM - 12:00 PM (MYT)  
8:30 AM - 11:00 AM (WIB)

**Moderator:** DR. RUMAHAD RUSMIN  
**PANELIST:** PROF. DR. MOHIB SADIQ SHAHRI, PROF. DR. NI NYOMARINI PUSPAPRASIH, M.B.B.S., Vice Rector for Research, Innovation and Community Development, Universiti Malaysia Terengganu; DR. FARIA SHAFAR, Group Managing Director, Shabana Group, Indonesia.

**DAY 2 | INDUSTRIAL TALK**

**CAREER PROSPECTS AND CONCERN FOR CHEMISTRY GRADUATES**

OCT 17, 2021 (SUNDAY) 9:30 AM - 12:00 PM (MYT)  
8:30 AM - 11:00 AM (WIB)

**Moderator:** DR. KAVIJAYA PANDAN SAMBASAYAM  
**SPEAKER 1:** MR. AHMAD FAISAL FAZLI, Chairman, Petronas Research, Malaysia.  
**SPEAKER 2:** MR. ARI LUQMAN, Director, Petronas Research, Malaysia.

**LIVE STREAM** **KORPORAT UTIM CNS**

E-CERTIFICATE WILL BE PROVIDED

**INTERNATIONAL HEALTH WEBINAR**

**COVID-19 VACCINE AWARENESS: WHY IS IT SAFE TO BE VACCINATED?**

27<sup>th</sup> JANUARY 2021  
3 - 4 PM (MALAYSIA)  
7 - 8 AM GMT

Platform: Webinar Link: <https://utimcns.com/CoronaVirusTalk2021>  
Webinar Password: corona  
Meeting number: 876 128 8470

Registration: <https://utimcns.com/RegistrationCoronaVirusTalk2021>  
Meeting Password: corona  
Meeting number: 876 128 8470

**TRAINING HOUR FOR UTIM STAFF**

**Panel:**  
Dr. Nazril Asham, Director of ICU, Weston General Hospital, United Kingdom  
Professor Dr. Amrinul Adil Abd. Aziz, Senior Lecturer, School of Nursing, UTMCNS  
Associate Prof. Dr. Syed Wali, The Institute of Strategic UTIM Conference Project Management, UTIMCNS

**UTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN**

**STARFISH FOUNDATION**

**projects for happiness**

**WEBINAR**  
**DEA AND ITS APPLICATION IN THE FIELD OF SOCIAL SCIENCES RESEARCH**  
ASSOC. PROF. DR. NUR AZLINA ABD AZIZ

Concepts of Relative Efficiency, Data Envelopment Analysis (DEA), Overview, Advantages and Disadvantages of DEA, Basic Module in DEA, Application of DEA, and DEA Software

23 APRIL 2021  
FRIDAY  
10AM - 12PM

nhv-zspc-zc

**ENGLISH LANGUAGE ENRICHMENT ACTIVITIES FOR THE COMMUNITY**

SK BONGEK & SK SALAK NAMA HEMBAU

1ST SEPTEMBER - 1ST OCTOBER, 2021 VIA TELEGRAM

**WEBINAR**  
**THE COPYWRITER: BET ON IDEA**

**DATE: 30 APRIL 2021**  
**TIME: 8:30-12:30**

**MICROSOFT TEAMS:**  
[https://teams.microsoft.com/l/meetup-join/19%3ameeting\\_MTMWMZEYZDATMGM5YY0](https://teams.microsoft.com/l/meetup-join/19%3ameeting_MTMWMZEYZDATMGM5YY0)

**ORGANISED BY :**  
**FACULTY OF BUSINESS & MANAGEMENT**  
**UTM NEGERI SEMBILAN BRANCH**  
**SEREMBAN CAMPUS**  
&  
**MASMED CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**  
**BANJARAN PIJGA**  
**UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**


22

# MOU/MOA 2021



# UNIT INFORMASI & MEDIA

#MEMACU KELESTARIAN INFORMASI DAN MEDIA UNIVERSITI



# Memacu Kelestarian Informasi dan Media Universiti

INFO GRAFIK VIDEO  
MEDIA



2022  
UNIT  
INFORMASI



# PERANAN UNIT INFORMASI

Unit Informasi dan Infografik memainkan peranan penting sebagai penyalur utama maklumat kepada warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan, bukan sahaja berkaitan informasi maklumat PJIM&A malah memberi publisiti dan hebatan dengan lebih cepat.

Unit ini juga bertanggungjawab dalam mengurus dan memantau platform media rasmi universiti iaitu laman web, Facebook dan Instagram rasmi yang ditubuhkan sejak tahun 2020.

Warga universiti dapat memperoleh maklumat berkenaan perkembangan semasa aktiviti penyelidikan, jaringan industri, alumni dan kemasyarakatan universiti dengan lebih mudah melalui media sosial dan laman web.

Unit ini berperanan sebagai media penyiaran mewakili suara universiti dalam menyampaikan berita dan hebatan umum seperti kejayaan dalam pertandingan inovasi, penerbitan dan anugerah yang diterima setelah mendapat pengesahan kelulusan daripada penyelaras unit-unit PJIM&A yang bertanggungjawab.

Maklumat ini akan dihebahkan kepada semua warga dalam bentuk poster infografik, video yang berkaitan berserta ringkasan berkenaan pertandingan yang telah disertai.

**Sebagai penyalur maklumat utama kepada warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan**

**“Bertanggungjawab mengurus dan memantau platform media rasmi UiTM iaitu laman web, Facebook dan Instagram.”**

**“Siti Zaharah Mohd Ruslan mempunyai pengalaman lebih 7 tahun dalam bidang pengajaran Matematik, Matematik Kewangan dan juga Komputer dan Pemprosesan Maklumat.”**



Puan Siti Zaharah Mohd Ruslan  
Penyelaras Unit Informasi dan  
Infografik

Siti Zaharah Mohd Ruslan merupakan pensyarah Matematik, Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah.

Beliau memulakan pengajian di Universiti Teknologi MARA Shah Alam dengan Diploma Sains Kuantitatif pada tahun 2007 dan kemudian menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Matematik pada tahun 2009.

Pada tahun 2014, beliau memperoleh Sarjana Sains dalam Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif dalam bidang Matematik Kewangan dari UiTM.

Beliau mempunyai pengalaman lebih 7 tahun di UiTM Cawangan Negeri Sembilan dalam bidang pengajaran Matematik, Matematik Kewangan dan juga Komputer dan Pemprosesan Maklumat.

Sehingga kini beliau telah menghasilkan beberapa buah buku dan menulis beberapa artikel di majalah serta bergiat aktif dalam pertandingan inovasi

#### PENULIS BUKU & MAJALAH



Intermediate Mathematics For Pre Science Tropical Practice (2021),



Homework Intermediate Mathematics For Pre Science (2020),



5 Must Have Google Chrome Extensions For Educators (2021) dan 10 Amazing Facts About Mathematic (2020)

#### MENYERTAI & MEMENANGI PERTANDINGAN INOVASI



Anugerah EMAS dalam DrMaths Apps (DMA):Online Applications for Mathematic (NSIEx 21)



Anugerah PERAK dalam pertandingan (i-JaMCSIIX 2020) bertajuk Interactive Learning Web Based: Basic Mathematics.



Siti Nur Dina Mohd Ali  
Penyelaras Informasi Media

Siti Nur Dina Mohd Ali merupakan pensyarah di Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL) (Kepujian) daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada tahun 2010.

Seterusnya, beliau menyambung pelajaran di Universiti Sains Malaysia (USM) dan memperoleh Ijazah Sarjana Linguistik dan Pengajian Bahasa Inggeris pada tahun 2014. Bidang kajian beliau berkaitan language and technology, TESL dan applied linguistics.

Beliau mempunyai pengalaman lebih 10 dalam pengajaran Bahasa Inggeris di peringkat sekolah menengah dan universiti. Di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, beliau berpengalaman dalam pengajaran Bahasa Inggeris di peringkat pra-diploma, diploma dan ijazah.

**“Siti Nur Dina Mohd Ali mempunyai pengalaman lebih 10 tahun dalam pengajaran Bahasa Inggeris di peringkat sekolah menengah dan universiti”**

## PENULIS BUKU, JURNAL ARTIKEL & PROCEEDING



Investigating Students' Levels of Writing Anxiety in Local Tertiary Institution (2021)-prosiding i-LEDHS



The Foreign Language Students' Readiness on Online Learning in Malaysia- AIMC 2021



Perceptions of Students on Learning Arabic Language Through a Card Game (2019)-JoA

## MENYERTAI & MEMENANGI PERTANDINGAN INOVASI



Educational Innovation, Creativity and Design Competition (EICD) 2018 bertajuk Ahsulu! Learning Arabic Through the Fun Way (EMAS)



Reader's Theatre : Encouraging Secondary School Students To Speak in English (PERAK) - IIID UITMCNS 2018



Invention, Innovation dan finalis Invention, Innovation and Design (Best of the Best) (I-BOB) 2020 anjuran UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Ku Nurul Atiqah binti Ku Ahamad ialah pensyarah di Fakulti Komunikasi dan pengajian Media UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau. Beliau memperolehi Diploma di dalam Ukur Bahan pada tahun 2009 daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM). Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Rekabentuk Industri (Kepujian) daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM). Beliau memperolehi Sarjana Media dan Pengiklanan pada tahun 2016 daripada The University of Leicester United Kingdom.

Bidang pengajaran beliau adalah rekabentuk grafik, media dan komunikasi, fotografi dan animasi. Beliau menjalankan penyelidikan di dalam bidang media komunikasi muzik dan video grafik. Hasil kajian beliau diterbitkan dalam jurnal terindeks.

**"Ku Nurul Atiqah Ku Ahamad merupakan graduan dalam bidang Sarjana Media Pengiklanan pada tahun 2016 dari The University of Leicester United Kingdom"**

Ku Nurul Atiqah Ku Ahamad  
Penyelaras Informasi Video



## PENULIS JURNAL ARTIKEL & PROCEEDING

-  Covid-19 Community Language Project: Enhancing Collaborations between the University and Schools in Rembau, Negeri Sembilan (ERA-Indexed Journal, Human Resource Management Academic Research Society (HRMARS) 2021)
-  Let's Talk About the Movies: The Movie Journal (i-SPIKE 2021).
-  Corpus-Informed Materials for Underprivileged Community: The Secrets of ThrillsS N' Chills (Invention, Innovation and Design Exposition (IIDEX) 2020),
-  How Music Inspires Creativity in Advertising (2017)

## MENYERTAI & MEMENANGI PERTANDINGAN INOVASI

-  Beliau dan kumpulannya memenangi anugerah EMAS dalam i-SPIKE 2021 bagi Let's Talk about the Movies: The Movie Journal.
-  Memenangi anugerah PERAK bagi LIPAT-ABLE Power Up Pack di IIDEX 2020.
-  Memenangi anugerah GANGSA dalam pertandingan IIDEX 2020 bagi projek TASKIT.

# GALERI

PLATFORM MEDIA SOSIAL UNIT INFORMASI

## MEDIA SOSIAL

**pjimacns**

Professional Dashboard  
Tools and resources just for businesses.

PJM&A UITM NEGERI SEMBILAN  
Educational Research Center

492 Posts 178 Followers 17 Following

Edit profile Ad tools Insights

178 followers



HEBAHAN MEDIA MELALUI  
**INSTAGRAM**

## MEDIA SOSIAL

**Subscribe**  
160 subscribers

**PJIM&ACNS**

HOME VIDEOS PLAYLISTS CHANNELS ABOUT

Uploads

- Strategi Penulisan & Penyertaan Jurnal Berbilik. 21 views • 3 months ago
- Sahaja aka mewujud. 9 views • 4 months ago
- PENTIDAIAN DOKUMEN PENYKARUT UTOMOS. 133 views • 1 month ago
- FORUM KERJAKA VS PACMA COVOD IMPAK PELLUNG... 8 views • 7 months ago
- RESEARCH MADE EASY: 20 ESSENTIAL RESEARCH... 47 views • 6 months ago
- Coffee Talk Series 2021 - JOM BERSAAMA PENERIMA... 47 views • 6 months ago
- WEBINAR SESI PERKENANGAN TIPS BAGI PENULIS. 17 views • 6 months ago
- Taklimat Inovasi, Harta Intelek dan Pengembangan... 17 views • 6 months ago
- Coffee talk series - Jom bersama Penentara Angkara... 18 views • 10 months ago
- ANUGERAH APRESIASI REKTOR UTM CAWANGAN NEGORI... 141 views • 11 months ago
- RENGKEL PENULIAN Advanced Literature Search - Enquiry by Dr. Norliza Mohd Jadihan, Universiti Ut... 16 views • 1 year ago
- Advanced Literature Search - Enquiry by Dr. Norliza Mohd Jadihan, Universiti Ut... 16 views • 1 year ago



HEBAHAN MEDIA MELALUI

**YOUTUBE**

## MEDIA SOSIAL

**Like**  
534 people like this  
641 people follow this

**f**  
PJIM&A UITM Cawangan Negeri Sembilan

Manage Page  
PJIM&A UITM Cawangan Negeri Sembilan

If you'd like, you can switch to the classic Facebook.com for 40 hours to manage this page. Switch now

Home Inbox Resources & Tools Notifications Publishing Tools Ad Centre Page quality Promote

BAHAGIAN PENYELIDIKAN, JARINGAN INDUSTRI, MASYARAKAT DAN ALUMNI UTM CAWANGAN NEGORI SEMBILAN

**PJIM&A UITM Cawangan Negeri Sembilan**  
Create Username Education website

Name Jobs Events Reviews More Promote View as visitor Insights


How to create effective posts Short visual posts created for the right audience are most successful. Learn More

HEBAHAN MEDIA MELALUI  
**FB-PAGE**



# GALERI

CONTOH-CONTOH HEBAHAN DARI UNIT INFORMASI



HEBAHAN MEDIA – VIDEO MELALUI  
**SALURAN YOUTUBE**

# GALERI

CONTOH-CONTOH HEBAHAN DARI UNIT INFORMASI

## HEBAHAN PJIM&A

### CONTOH HEBAHAN – PJIM&A



### CONTOH HEBAHAN INOVASI & ANUGERAH



## HEBAHAN INOVASI & ANUGERAH

### CONTOH HEBAHAN PENERBITAN DAN GERAN



## HEBAHAN PENERBITAN & GERAN

# GALERI

CONTOH-CONTOH HEBAHAN DARI UNIT INFORMASI

HEBAHAN

## PENGHARGAAN

### CONTOH HEBAHAN - PENGHARGAAN



### CONTOH HEBAHAN- CUTI UMUM



HEBAHAN

## CUTI UMUM

### CONTOH HEBAHAN-PROGRAM




HEBAHAN

## PROGRAM

# GALERI

PLANNER PJIM&A



BUAT JULUNG KALINYA,

#### BAHAGIAN PENYELIDIKAN JARINGAN INDUSTRI MASYARAKAT DAN ALUMNI [PJIMA]

Memperkenalkan Majalah PJIMA terbitan 2022 yang memaparkan informasi mengenai PJIMA UiTM CNS buat rujukan semua warga.



## PJIM&A

BAHAGIAN PENYELIDIKAN,  
JARINGAN INDUSTRI,  
MASYARAKAT & ALUMNI (PJIM&A)

TINGKAT 4, BANGUNAN PENTADBIRAN  
UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS KUALA PILAH,  
72000 KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN

PJIM&A UiTM Cawangan Negeri Sembilan | pjimacs |

# UNIT PENULISAN & PENERBITAN

# MEMACU REVOLUSI PENERBITAN DAN PENULISAN TANPA SEMPADAN

## PENYELARAS UPP



DR NOR'AISHAH HASAN  
KAMPUS KUALA PILAH

DR SALWA MUDA  
KAMPUS SEREMBAN



DR ASMA' RASHIDAH IDRIS  
KAMPUS REMBAU



## DR NOR'AISHAH HASAN

Dr Nor'Aishah Hasan ialah pensyarah kanan Pusat Pengajian Biologi, Fakulti Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan. Beliau memperoleh ijazah kedoktoran dalam bidang Kejuruteraan Genetik dan Biologi Molekul dari Universiti Putra Malaysia (2017) dan Ijazah Sarjana dalam bidang Bioteknologi dari Universiti Malaya (2009). Beliau memperoleh gelaran Sarjana kedua dalam bidang Sains Makanan dari Universidad Autonoma de Barcelona, Sepanyol (2011) dan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Bioteknologi dari Universiti Sains Malaysia (2005). Beliau baru sahaja selesai melanjutkan pengajian pasca kedoktoran di UPM dan Nuklear Malaysia dalam bidang pembiabakaan mutasi. Beliau mempunyai pengalaman lebih 13 tahun dalam mengajar Mikrobiologi, Biologi Molekul dan Biologi Makanan. Sehingga kini beliau mempunyai 2 geran penyelidikan antarabangsa dan 14 geran tempatan sebagai ketua dan penyelidik bersama dengan jumlah RM2,300,400. Dengan rangkaian penyelidikan yang proaktif,

pasukan penyelidik beliau telah diiktiraf di seluruh dunia dan menerima anugerah Pasukan Penyelidikan Cemerlang 2020 oleh Forum Cooperation Nuclear Asia, Best Paper Award, Best Presenter Award and Grand Prize Winner for Science Education Award dalam beberapa persidangan antarabangsa dan bidang inovasi. Penemuan penyelidikan beliau telah diterbitkan dalam jurnal dan buku. Bagi meningkatkan kepakaran penyelidikan, beliau telah menyertai beberapa siri latihan penyelidikan di institusi penyelidikan terkenal termasuk Genetic and Plant Breeding Laboratory, ILVO, Belgium, International Energy Atomic Agency. Beliau juga terlibat secara aktif dengan NGO termasuk Persatuan Genetik Malaysia (PGM) di mana beliau merupakan Penolong Setiausaha dan menjadi jawatankuasa bagi beberapa aktiviti dan konferensi yang dianjurkan oleh PGM. Beliau mempunyai kepakaran di dalam berbahasa sepanyol yang menyebabkan dipilih sebagai Liason Officer untuk mewakili negara bagi APEC 2020.



## DR SALWA MUDA

Dr Salwa Muda ialah pensyarah kanan di Fakulti Perakaunan, UiTM Negeri Sembilan Kampus Seremban. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian ) pada tahun 2001 daripada Universiti Utara Malaysia (UUM). Pada tahun 2003, beliau memperoleh Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Perakaunan) daripada universiti yang sama iaitu UUM. Beliau menyambung pelajaran di peringkat PhD dalam bidang Modal Intelek dalam Perniagaan Kecil dan Sederhana pada tahun 2014 dan dianugerahkan Ijazah Kedoktoran (Perakaunan) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia pada 2018. Bidang pengajaran beliau adalah perakaunan kewangan, perakaunan pengurusan dan sistme maklumat perakaunan.

Beliau menjalankan penyelidikan di dalam bidang modal intelek dan prestasi perniagaan IKS. Hasil kajian beliau diterbitkan dalam jurnal terindeks. Antara penerbitan yang beliau hasilkan adalah Sectoral effect of intellectual capital on Malaysian SMEs Business Performance (Asia Pacific Accounting Journal, 2018); Intellectual Capital and Business Performance from an Organizational Life-Cycle Perspective (The South-East Asian Journal of Management, 2020) and Relational Capital and Performance: Empirical Evidence on the Services Sector of SMEs in Malaysia (2022). Selain itu, beliau juga menyertai beberapa pertandingan inovasi dan memperoleh pingat emas. Sebagai contoh, beliau dan kumpulannya memenangi anugerah emas dalam SQL Study Guide and Practice (NSiEX2021) dan Easy Steps in Costing (AEC2021).



## DR ASMA' RASHIDAH IDRIS

Dr Asma' Rashidah Idris ialah pensyarah kanan di Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Negeri Sembilan Kampus Rembau. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) pada tahun 2004 daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) daripada Universiti Teknologi MARA Shah Alam pada tahun 2005. Seterusnya, pada tahun 2019, beliau me PhD dianugerahkan Ijazah Kedoktoran (Ekonomi) daripada Universiti Putra Malaysia dalam bidang Economics of Fertility and Demographics. Bidang pengajaran beliau adalah macroeconomics, microeconomics, monetary economics, pengurusan perniagaan dan keusahawanan. Beliau menjalankan penyelidikan di dalam bidang fertility dan demographics. Hasil kajian beliau diterbitkan dalam jurnal terindeks. Antara penerbitan yang beliau hasilkan adalah Does Financial Development Contribute to

Fertility Decline in Malaysia? An Empirical Investigation (Jurnal Ekonomi Malaysia, 2018); Does Financial Development Contribute to Fertility Decline in Developed and Developing Countries (International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 2021). Selain itu, beliau juga menyertai beberapa pertandingan inovasi dan memperoleh pingat emas. Sebagai contoh, beliau dan kumpulannya bmemenangi anugerah emas dalam Educational Panacea to Entrepreneurship: An Interactive Ent300 Videopreneur (iTeC2O 21). Beliau juga telah memenangi anugerah emas dalam pertandingan e-Condev 2021 categori OER educator yang bertajuk Open Source e-Learning for Agile Education. Beliau pernah mendapat Best Paper Award dan Outstanding Paper Award di konferensi antarabangsa iaitu Terengganu International Business and Economics Conference (2021), dan International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences (2021).



# AKTIVITI UPP 2021

Beberapa aktiviti telah dijalankan pada 2021 dengan tujuan utama untuk menuju ke arah usaha peningkatan penulisan akademik di kalangan pensyarah. Aktiviti tersebut terbahagi kepada beberapa kategori:

1. Sanjungan/ganjaran - pemberian insentif penulisan, pengumuman penerbitan berindeks terkini di media PJIM&A (Telegram, Instagram, Facebook dan emel rasmi).
2. Perkongsian ilmu dan pengalaman melalui coffee talk series.
3. Pembiayaan - yuran penerbitan, yuran konferensi.
4. Pengemaskinian gerak kerja - melibatkan permohonan ke konferensi, permohonan pembiayaan dan lain-lain.
5. Kemudahan capaian informasi berkaitan penerbitan dan penulisan melalui poster dan hebahan (dengan kerjasama Unit Infografik dan Media, PJIM&A).



"Alhamdulillah, usaha keras para pensyarah beserta galakan pihak pentadbir telah membawa hasil dengan peningkatan bilangan penerbitan melebihi indeks petunjuk prestasi UiTM CNS secara keseluruhan. Semoga usaha ini mendapat ganjaran dariNya. Paling utama, kita tetap meletakkan niat yang betul untuk setiap penulisan yang dihasilkan, agar ianya tidak hanya sekadar menambah angka di KPI kita, tetapi menjadi amal jariah yang berpanjangan manfaatnya.  
Selamat menulis!"

**COFFEE TALK SERIES**

Jom bersama  
Penerima Anugerah Apresiasi Rektor  
2020!

24 Mac 2021  
Rabu  
2:30 - 4:00 pg

sertai kami:  SCAN ME  SCAN ME

**Encik Adam Feizrel Linoby Ronny Linoby**  
Pensyarah Kanan FSR, UiTM Kampus Seremban  
- Anugerah Penyelia Aktif (Sarjana/PhD)  
- Anugerah Khas Pameran Penyelidikan  
- Penerima insentif penulisan bab dalam buku penyelidikan

**Dr Kaviraja Pandian A/L Sambasevam**  
Pensyarah Kanan FSG, UiTM Kampus Kuala Pilah  
- Anugerah Penulis Profifik (S&T)  
- Anugerah Kolaborasi Penyelidikan (Kebangsaan)  
- Penerima insentif penulisan bab dalam buku penyelidikan

**Encik Mohamed Shafiq Mohamed Ayub**  
Moderator  
Pensyarah FKPM  
UiTM Kampus Rembau





**PJIM&A CNS** **PJIM&A UiTM Cawangan Negeri Sembilan** **PJIM&A CNS**

**Coffee Talk Series**

Jom bersama  
Penerima Anugerah Apresiasi Rektor  
2020!

2 JUN 2021  
Rabu  
10:00 pg - 11:30pg

sertai kami:  Scan me

**Pn. Suhaila Kamal**  
Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan, Kampung Rembau.  
- Anugerah Perunding Aktif

**Dr. Eddie Tan Ti Tjih**  
Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Gunaaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah  
- Anugerah Penyelidik Proaktif  
- Anugerah Kolaborasi Penulisan (Antarabangsa)

**En Mohd Faisal Md Noor**  
Moderator - Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau





**pjmacs** **PJIM&A UiTM Cawangan Negeri Sembilan** **PJIM&A CNS**

**COFFEE TALK SERIES**

RESEARCH MADE EASY:  
20 Essentials  
Research Tools for  
Early-career Academicians

3 Jun 2021  
Khamis  
10:00pg - 12:00 Igghi

sertai kami:  Scan me

**Encik Adam Feizrel Linoby Ronny Linoby**  
Pensyarah Kanan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi MARA, Kampus Seremban  
- Anugerah Penyelia Aktif (Sarjana/PhD)  
- Anugerah Khas Pameran Penyelidikan  
- Penerima insentif penulisan bab dalam buku

**@pjmacns** **PJIM&A UiTM Cawangan Negeri Sembilan** **PJIM&A CNS**



Cawangan Negeri Sembilan

1 OKTOBER 2021  
KHAMIS  
2.30 - 5.00 PETANG

Saksikan di FB Live PJIM&A UiTM  
Cawangan Negeri Sembilan



## WEBINAR

# Strategi Penulisan dan Penerbitan di Jurnal berindeks Web of Science dan Scopus: Bidang Pengajian Islam



### Panel Jemputan

#### PROF MADYA DR SITI ZUBAIDAH ISMAIL

Timbalan Pengarah (Penyelidikan &  
Pembangunan, Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya, Kuala Lumpur)

#### Sertai kami:



<https://meet.google.com/upf-ztec-bef>



<https://www.facebook.com/PJIMA-Uitm-Cawangan-Negeri-Sembilan-100662201527137>

JAM LATIHAN UNTUK STAF UiTM &  
E-SIJIL UNTUK SEMUA

Pertanyaan:  
Dr. Adibah 0136099738

### Moderator



#### DR MOHD KAMEL MAT SALLEH

Pensyarah Kanan  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
(ACIS), UiTM Cawangan Negeri  
Sembilan, Kampus Seremban

Anjuran:  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban dengan kerjasama Bahagian Penyelidikan Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIM&A)

# **UIP:**

*Ke arah  
kecemerlangan  
inovasi dan  
pengkomersilan*

---

MAC 2022





**ChM Dr. Norliza Dzakaria**  
Penyelaras Unit Inovasi & Pengkomersilan  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan,  
Kampus Kuala Pilah

ChM Dr. Norliza Dzakaria ialah pensyarah kanan Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan. Beliau memperoleh ijazah kedoktoran dalam bidang Kimia (katalisis) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (2019) dan Ijazah Sarjana dalam bidang Kimia (analitikal) dari Universiti Teknologi Malaysia (2004).

Seterusnya, beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kimia dari Universiti Kebangsaan Malaysia (1999). Beliau mempunyai pengalaman lebih 10 tahun dalam mengajar Kimia Asas, Kimia Fizikal, Kimia Analitikal, Kimia Organik dan Instrumentasi bagi Analisis. Selain pengajaran, beliau juga telah menyelia seramai 9 orang pelajar tahun akhir Sarjana Muda Kimia dan Sarjana Muda Kimia dengan Pengurusan.

Beliau banyak membentangkan hasil kajian PhD beliau di persidangan kebangsaan dan antarabangsa serta menerbitkan beberapa hasil kajian tersebut di dalam jurnal berindeks, 'Web of Sciences' (WoS) dan penerbitan buku.

Antara penulisan jurnal terindeks terkini beliau bertajuk 'Preparation of Cerium Doped Nickel Oxide for Lower Reduction Temperature in Carbon Monoxide Atmosphere', 'Influence of Zr Additive on the Chemical Reduction Behaviour of MoO<sub>3</sub> in Carbon Monoxide Atmosphere', 'Effect of Cobalt on Nickel Oxide Toward Reduction Behaviour in Hydrogen and Carbon Monoxide Atmosphere', 'Chemical Reduction Behaviour of Zirconia Doped to Nickel at Different Temperature in Carbon Monoxide Atmosphere',

'Studies on influence of hydrogen and carbon monoxide concentration on reduction progression behavior of molybdenum oxide catalyst', Application of Octadecylamine-based Adsorbent on Carbon Monoxide Capture', 'Chemical Reduction Behaviour of NiO under Various Concentration of Carbon Monoxide using TPR and XRD Techniques', 'Comparative Adsorption Isotherm for Beryllium Oxide/Iron (III) Oxide toward CO<sub>2</sub> Adsorption and Desorption Studies'.

Kepakaran beliau dalam bidang tenaga hidrogen (tenaga diperbaharui) dan intrepetasi bagi instrumen XRD, XPS, SEM, TEM, TPR dan BET membolehkan beliau terpilih sebagai 'Reviewer' oleh beberapa konferensi bagi penerbitan jurnal.

Selain daripada itu, beliau juga telah menghantar sebanyak 8 penyertaan dalam pelbagai pertandingan inovasi peringkat kebangsaan dan antarabangsa dengan memperolehi 1 pingat emas, 5 pingat perak dan 2 pingat gangsa.

Sehingga kini beliau mempunyai 2 geran penyelidikan tempatan sebagai penyelidik bersama dengan jumlah RM71,200. Beliau juga merupakan ahli kimia berdaftar secara rasmi di Institut Kimia Malaysia (IKM) dan ANALIS.

Beliau juga aktif dalam aktiviti pembangunan pelajar di mana beliau merupakan penasihat Persatuan Seni Silat Pusaka Ustaz Hanafi UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah.

Beliau juga terlibat dalam penjurian beberapa pertandingan inovasi seperti 'International Innovation Competition (INNOCOM) 2021', '7th Southeast Asian Agricultural Engineering Student Chapter Annual Regional Convention 2021 (Arc2021)', '2nd Graduate Digital Invention, Innovation & Design (GDIID) 2021' dan '3rd International Innovation, Invention & Design Competition (ICON) 2020'.

**Adam Linoby**

**Penyelaras Unit Inovasi & Pengkomersilan  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan,  
Kampus Seremban**

Memiliki pengalaman sebagai pensyarah kanan di UiTM selama lebih 10 tahun, Adam Linoby telah terlibat dengan pelbagai jenis pembangunan produk inovasi dan kerja pengkomersilan, khususnya dalam bidang perubatan (kesihatan kardiovaskular dan penyakit kronik tidak berjangkit), inovasi pembelajaran digital dan teknologi sukan.

Kebitaraan beliau adalah termasuk merangkul pelbagai jenis anugerah inovasi, anugerah akademik dan geran penyelidikan di dalam dan luar negara, serta turut diberi kepercayaan sebagai pewasit bagi aktiviti inovasi di peringkat nasional dan antarabangsa.

Sepanjang profesion beliau sebagai pensyarah universiti, Adam Linoby telah menggondol lebih 50 anugerah (41 Gold/Special Awards) dari penyertaan persembahan inovasi melibatkan 38 pembangunan produk yang berpotensi untuk dikomersilkan. Ini termasuk pingat 'Euro Platinum Award' dan 'Best Invention Award' di Korea Invention Exhibition, serta 'Gold Award' di pameran inovasi paling berprestij di Malaysia anjuran MOSTI – ITEX 2012 dan 2014. Di atas pencapaian berkaitan inovasi ini, beliau telah dilantik sebagai pewasit jemputan di lebih 25 konferensi persembahan inovasi dalam dan luar negara.

Produk inovasi yang dibangunkan terhasil dari penyelidikan yang telah disempurnakan oleh beliau. Pada 2019, Adam Linoby telah mendapat duti sebagai pemegang pertama geran Prototype Research Grant Scheme (PRGS) bagi UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Sepanjang karier beliau sejumlah RM1,032,602 nilai geran penyelidikan telah diterima, yang mana sebahagian besar bagi menghasilkan produk inovasi yang berpotensi untuk dikomersilkan.

Impak pembangunan produk-produk inovasi ini turut mengalir ke arah pembangunan bakat akademik di mana ianya menjana peluang latihan untuk penyelidik yang bekerja dalam projek inovasi beliau secara langsung, pelajar pasca siswazah yang terlibat dalam pembangunan produk, dan juga pelajar sarjana muda (ijazah) bagi projek disertasi. Terkini, beliau sedang menyelia 15 pelajar pascasiswazah yang aktif dalam pembangunan hasil inovasi berkaitan penyelidikan. Usaha pembangunan bakat ini telah mendapat pengiktirafan dimana beliau telah dianugerahkan Anugerah Penyelia Terbaik dari UiTM Cawangan Negeri Sembilan dan UiTM Cawangan Pahang.

Beliau percaya hasil inovasi yang baik tidak mungkin datang dari hasil tangan dan fikiran seorang individu. Kolaborasi dari ahli pakar dari pelbagai organisasi dan pihak industri adalah amat penting dalam penghasilan produk yang berpotensi tinggi. Produk-produk inovasi yang dihasilkan beliau turut sama dibangunkan secara kolaborasi bersama organisasi kerajaan antaranya Institut Sukan Negara, Institute for Medical Research, Majlis Sukan Negara, Kementerian Belia dan Sukan, serta institusi pengajian tinggi seperti University of Exeter (United Kingdom), University of Loughborough (United Kingdom), University of Bristol (United Kingdom), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Kolaborasi bersama syarikat persendirian juga penting bagi tujuan pengkomersilan. Terkini, beliau sedang bekerjasama dengan beberapa buah syarikat dalam usaha meletakkan hasil inovasi beliau di pasaran dalam dan luar negara.

Atas usaha berkaitan pembangunan produk inovasi dan pengkomersilan, penyelidikan dan kerja akademik yang berkaitan beliau telah mendapat beberapa anugerah antaranya Gold Cochrane Collaboration Contribution Award, Anugerah Inovasi (UiTM CNS), Penyelia Terbaik (UiTM CNS), Anugerah Geran Penyelidikan (UiTM CNS), IEEE Best Presenter Award, IEEE Best Paper Award, Anugerah Paten Produk (UiTM Pahang), Anugerah Penceramah Terbaik (UiTM Pahang), Anugerah e-Pembelajaran Terbaik (UiTM Pahang), dan Anugerah Penyelidik Harapan (UiTM Pahang).

## **INOVASI PEMACU TRANSFORMASI EKONOMI MASA DEPAN**



**Sutina Junos**  
**Penyelaras Unit Inovasi & Pengkomersilan**  
**UiTM Cawangan Negeri Sembilan,**  
**Kampus Rembau**

Sutina Junos ialah pensyarah kanan di Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau. Beliau mempunyai pengalaman lebih 13 tahun dalam mengajar kursus Introduction to Economics, Principles of Economics, Microeconomics dan Macroeconomics.

Beliau memperolehi Diploma Pengajian Perniagaan pada tahun 2005 daripada Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Perniagaan (Kepujian) pada tahun 2007 daripada Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. Seterusnya, beliau memperoleh Ijazah Sarjana Ekonomi daripada Universiti Malaya pada tahun 2009 dan kini, beliau sedang menghabiskan pengajian PhD beliau dalam bidang Ekonomi di Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.

Beliau banyak membentangkan hasil kajian PhD beliau di persidangan kebangsaan dan antarabangsa serta menerbitkan hasil kajian tersebut di dalam jurnal berindeks antaranya ialah tajuk kajian 'Assessing The Impact Of Macroeconomic Variables And Macroprudential Policy Elements On The Capital Adequacy Ratio' yang diterbitkan di dalam International Journal Of Academic Research In Business & Social Sciences pada tahun 2021.

Selain daripada itu, beliau juga telah menghantar sebanyak 21 penyertaan dalam pelbagai pertandingan inovasi peringkat kebangsaan dan antarabangsa dengan memperolehi 1 pingat emas, 5 pingat perak dan 10 pingat gangsa.


Beliau juga aktif dalam aktiviti pembangunan pelajar di mana beliau merupakan penasihat Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau dan penasihat Diploma Business Society serta terlibat sebagai Mentor untuk kumpulan pelajar yang berjaya mewakili UiTM dalam University Startup Challenge anjuran MaGIC.

Beliau juga terlibat dalam penjurian beberapa pertandingan inovasi seperti International Exhibition & Symposium On Productivity, Innovation, Knowledge & Education (i-SPIKE 2021) dan International Jasin Multimedia dan Computer Science Invention And Innovation Exhibition (I-JAMCSIIX) 2021.

Beliau juga banyak menyumbang kepakaran bersama dengan komuniti setempat dan agensi luar antaranya menjadi Penyelidik yang mewakili UiTM Cawangan Negeri Sembilan untuk perlaksanaan Ruang Reka @ Komuniti, Taman Rasa Sayang Seremban, Negeri Sembilan, 2021, Pelatih bagi Program Cakna Masyarakat - Social Media Marketing untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Negeri Sembilan tahun 2020, Ketua Projek bagi Program CSR-DBS Society : Wanita Anti Jenayah- Menangani Salah Laku Seksual anjuran bersama dengan Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Sembilan pada tahun 2019 dan wakil kluster Ekonomi dalam Bengkel Pemetaan Kerangka Kerja Dan Input Bagi Penyediaan Dasar Wanita Negara (2021 - 2025) anjuran Pejabat Persatuan Wanita Negeri Sembilan pada tahun 2019.

## *Budaya kreativiti & inovasi* **PEMANGKIN TRANSFORMASI**

# AKTIVITI UIP 2021



**PENGUMPULAN DATA**  
**PENGUMPULAN DATA**  
**INOVASI DAN HARTA**  
**INTELEK BAGI TUJUAN**  
**REKOD KPI MYRA**  
**UITM.**

## TAKLIMAT HARTA INTELEK & PENGKOMERSILAN

SESI TAKLIMAT WEBINAR HARTA INTELEK DAN PENGKOMERSILAN BERSAMA PIHAK BIT- COM UITM DAN STAF AKADEMIK UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN.



## WEBINAR PERTANDINGAN INOVASI

WEBINAR SESI PERKONGSIAN BERTAJUK 'TIPS BAGI MEMENGANGI EMAS DALAM PERTANDINGAN INOVASI' TELAH DIJALANKAN.

**EKSPO INOVASI**  
 PENGANJURAN EKSPO INOVASI ANTARABANGSA,  
 NEGERI SEMBILAN  
 INTERNATIONAL  
 EXPOSITION (NSIEX)  
 2021.



# AKTIVITI UIP 2020



## TAKLIMAT BERSAMA BITCOM

SESI TAKLIMAT PERUNDINGAN, PENGKOMERSILAN & HARTA INTELEK BERSAMA PIHAK BITCOM TELAH DIJALANKAN PADA 13 MAC 2020 DI UITM KAMPUS SEREMBAN.

## JELAJAH EDUPRENEUR

SIRI JELAJAH EDUPRENEUR BERTAJUK 'DARI MIMPI MENJADI REALITI' TELAH DIJALANKAN PADA 17 SEPTEMBER 2020 DI UITM KAMPUS SEREMBAN.



## BEST OF THE BEST INVENTION

SESI PROGRAM PENCARIAN PROJEK INOVASI TERBAIK DI KALANGAN STAF AKADEMIK UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN - BEST OF THE BEST IID (I-BOB) 2020.

## PENGURUSAN KONTIJEN IIDEX 2020


PENGURUSAN PENYERTAAN KONTIJEN UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DI IIDEX 2020 YANG DIJALANKAN DI ATAS TALIAN.



# AKTIVITI UIP 2020



**PENGURUSAN KONTIJEN ITEX 2020**  
PENGURUSAN PENYERTAAN  
KONTIJEN UITM CAWANGAN NEGERI  
SEMBILAN DI 31ST INTERNATIONAL  
INVENTION, INNOVATION &  
TECHNOLOGY EXHIBITION,  
MALAYSIA  
(ITEX) 2020.



MAC 2022

# UNIT PENGURUSAN PENYELIDIKAN

RESEARCH MANAGEMENT UNIT  
(RMU)

SIG

PENERBITAN

ETIKA



## DR RUHAIDA RUSMIN

KOORDINATOR RMU



## PM DR. ALICE SHANTHI KASAWI @KRISNAN

PENYELARAS KAMPUS SEREMBAN



## PN WAN ADMIZA WAN HASSAN

PENYELARAS KAMPUS REMBAU



## PN SURAYA AHMAD SUHAIMI

PENYELARAS KAMPUS KUALA PILAH

# PERANAN RMU

## SKOP UTAMA

- Membantu jabatan PJIM&A dan Research Management Centre UiTM (RMC UiTM) mengurus geran penyelidikan Dana Dalaman Negeri, universiti, nasional, industri dan antarabangsa
- mengkoordinasi maklumat dan mengurus latihan bagi tujuan peningkatan aktiviti penyelidikan
- mengkoordinasi data penyelidikan bagi tujuan pelaporan Performance Indicator (PI) dan keperluan rekod universiti

## SKOP SOKONGAN

- pengurusan Trek Penyelidikan
- pengurusan Special Interest Group (SIG)

# Tulang Belakang RMU

## KOORDINATOR RMU



### DR RUHAIDA RUSMIN

Beliau memulakan perkhidmatan bersama UiTM pada 2006 dan kini merupakan pensyarah kanan di Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Gunaan, UiTM cawangan Negeri Sembilan kampus Kuala Pilah. Bermula September 2019, beliau memegang peranan sebagai Koordinator RMU UiTM CNS. Sebelum ini beliau pernah menggalas tanggungjawab selaku Ketua Unit Pengurusan Kualiti, Koordinator Kimia dan juga Koordinator PRISMa UiTM cawangan Negeri Sembilan. Beliau dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah pada Disember 2017 dari University of South Australia, Australia dalam bidang Kejuruteraan dan Sains Persekitaran. Bidang kepakaran beliau memfokus kepada kajian mineral tanah liat (clay minerals), kimia permukaan (surface chemistry), teknologi nano dan bahan termaju serta rawatan air tercemar (wastewater remediation). Beliau aktif dalam penyelidikan dan telah menerima lapan (8) geran dan tajaan institusi luar negara sepanjang penyelidikan PhD beliau. Beliau kini merupakan ketua penyelidik bagi geran FRGS Kementerian Pengajian Tinggi dan Young Talent Researcher Prestigious UiTM serta sedang menyelia tiga pelajar pasca-siswazah. Sehingga Februari 2022, beliau telah menerbitkan lapan (8) artikel jurnal kuartil Q1, serta memiliki h-index 8 (Scopus) dengan jumlah sitasi 351 (Scopus). Beliau aktif menjalankan kolaborasi bersama penyelidik dari Australia, Korea, United Kingdom, dan India di samping kerjasama peringkat nasional. Dr. Ruhaida pernah terlibat sebagai panel penemuduga biasiswa kementerian dan menganggotai beberapa jawatankuasa penting peringkat kampus. Beliau terlibat secara langsung di dalam program berkaitan pengurusan kewangan geran, penulisan jurnal, editor Journal of Academia, serta membentang di konferensi / seminar peringkat nasional dan antarabangsa. Beliau merupakan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019, Anugerah Makalah Jurnal Terbaik 2019 dan juga Anugerah Ahli Akademik Harapan 2020 peringkat UiTM Negeri Sembilan. Selaku koordinator RMU, beliau berperanan membantu jabatan PJIM&A UiTM CNS dalam tadbirurus semua geran penyelidikan, mengemaskini data pencapaian penyelidikan, menggubal dan mengurus penawaran geran dalaman kampus, memberi latihan dan bimbingan kepada penyelidik, pemantauan Pensyarah Trek Penyelidikan dan juga kumpulan penyelidikan Special Interest Group. Dalam menjalankan tugas ini, beliau dibantu oleh staf di bahagian PJIM&A dan tiga orang Penyelaras RMU di setiap kampus.

# PROF. MADYA DR. ALICE SHANTHI



## PENYELARAS KAMPUS SEREMBAN

Beliau telah bertugas sebagai pensyarah di Akademi Pengajian Bahasa selama 15 tahun. Beliau pernah berkhidmat di UiTM Cawangan Sabah, Kampus Kota Kinabalu dan UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah sebelum berpindah ke Kampus Seremban pada tahun 2020. Prof. Madya Dr. Alice Shanthi mempunyai mengalaman luas dalam penerbitan buku dan artikel jurnal. Beliau merupakan penulis utama dan penulis bersama bagi berapa buku yang disenaraikan sebagai buku rujukan (recommended text) bagi pelajar UiTM; sebagai contoh My English Checkpoint (Kod - ELC121), My Integrated Writing Companion (Kod- ELC231), My Integrated Reading Companion (dalam proses penerbitan – UiTM Press) dan Go Get It: Job Application Skill (Kod -ELC640). Beliau telah menerbitkan artikel dalam jurnal berindeks Scopus seperti GEMA Journal of Language Studies dan Asian Journal of University Studies, serta artikel berindeks ERA dan MyCite. Beliau sebelum ini pernah dilantik sebagai editor untuk artikel jurnal and konferensi, termasuk sebagai editor untuk Journal of Academia ( JoA) dan JURIM. Prof. Madya Dr Alice Shanthi sangat aktif di dalam aktiviti inovasi dan reka cipta. Beliau telah berjaya memenangi banyak anugerah emas dan perak termasuklah di dalam pertandingan ITEX 2020. Dari segi penyelidikan, beliau merupakan ketua penyelidik bagi beberapa geran termasuklah International Research Matching Grant, Khind Starfish Foundation: Project for Happiness, Geran Inisiatif Akademi Pengajian Bahasa dan Geran Industri dari Syarikat Blue Deebaj. Beliau juga telah merupakan penerima anugerah berprestij seperti Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017, Anugerah V-Khas 2020 dan Anugerah Apresiasi Rektor 2021

# PN. WAN ADMIZA BINTI WAN HASSAN



## PENYELARAS KAMPUS REMBAU

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa (Penyiaran) dari UiTM dan juga Ijazah Sarjana Komunikasi Korporat dari UPM. Beliau mula menyertai UiTM sebagai Pensyarah Bidang Penyiaran pada 6 Ogos 2001 sehingga kini. Sebelum bergelar ahli akademia, beliau memulakan kerjaya sebagai Penolong Penerbit di Radio Televisyen Malaysia (RTM) pada Disember 1996 – Julai 2001. Sepanjang bersama UiTM, beliau pernah memegang jawatan sebagai Koordinator, Unit Penyiaran dan Multimedia di Jabatan Komunikasi Korporat (2004 – 2008), Pengurus Radio UFM di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (2015 – 2017), Penyelaras Peralatan Khas Kampus Rembau (2016 – 2017), Ketua Pusat Pengajaran di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau (2017 -2020).

## PN. SURAYA AHMAD SUHAIMI



### PENYELARAS KAMPUS KUALA PILAH

Beliau merupakan pensyarah di Jabatan Teknologi Tekstil, Pusat Pengajian Teknologi Industri, Fakulti Sains Gunaan, UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Sains (Penyelidikan) dari UiTM dalam bidang Teknologi Tekstil. Bidang kepakaran beliau adalah Technical Textiles, Sustainable Textiles, Textile Fibres and Spinning, dan Stitching Performance Analysis. Beliau berjaya memperoleh 2 geran nasional (FRGS 2019) dan 1 geran universiti (LESTARI) berjumlah RM 167,400. Beliau telah menerbitkan 6 artikel jurnal, 4 prosiding berindeks, 1 penerbitan buku dan 1 penerbitan laporan teknikal. Beliau berpengalaman menyelia pelajar pascasiswazah, projek tahun akhir Ijazah Sarjana Muda dan kumpulan projek tahun akhir Diploma. Beliau telah memenangi 9 anugerah dalam pertandingan inovasi dan berjaya merangkul 3 pingat emas, 3 pingat perak, dan 3 pingat gangsa bagi hasil penyelidikan serta 1 pertandingan pembangunan e-content. Selain itu, beliau telah mendaftarkan 3 rekod hakcipta di peringkat UiTM dan MyIPO sebagai Ketua Projek. Beliau juga berpengalaman menjadi juri pertandingan inovasi, panel penilai Defence Research Proposal (DRP) peringkat pascasiswazah, penilai kertas cadangan penyelidikan geran FRGS 2021 peringkat kampus, panel penilai dan pemeriksa projek tahun akhir pelajar Diploma dan juga projek Latihan Industri. Selain bertindak sebagai Penyelaras RMU, beliau juga turut terlibat dalam tugas-tugas pentadbiran akademik dan pembangunan pelajar selaku Penyelaras Program Diploma Teknologi Tekstil (AS118) / Diploma Teknologi Tekstil dan Pakaian (AS122) dan Penyelaras Latihan Industri serta jawatankuasa akademik yang berkaitan. Beliau terlibat aktif di dalam Special Interest Group (SIG) Clothing Innovation and Textile Research Association (CITRA), dan ahli bersekutu Entiti Kecemerlangan Tier 5 UiTM, Textile Research Group. Beliau sering memupuk minat dan menerapkan elemen penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan kepada para pelajar untuk berfikiran kreatif dan inovatif bagi meningkatkan pembangunan pelajar.



## AKTIVITI RMU TAHUN 2021

1. Taklimat RMU bersama ketua penyelidik – Modul 1 – 25 Januari 2021
2. Bengkel penyediaan kertas cadangan penyelidikan FRGS 2021 - 1 Februari 2021
3. Taklimat Bendahari bersama Ketua Penyelidik – 3 Mac 2021
4. Penawaran Geran International Research Matching Grant (IRMG 2021) – 6 Julai 2021
5. Sesi Pemantauan Dan Pembentangan Laporan Kemajuan Geran Penyelidikan - 30 Ogos 2021

# PERANCANGAN UTAMA RMU TAHUN 2022

- 1. BENGKEL PENYEDIAAN KERTAS CADANGAN PENYELIDIKAN FRGS**
- 2. KLINIK RMU**
- 3. PENAMBAHBAIKAN PROSEDUR PENGURUSAN GERAN**
- 4. PENAWARAN GERAN DANA DALAMAN NEGERI 2022**
- 5. PEMBANGUNAN RMU PORTAL**

\*\*SEKIRANYA TERDAPAT SEBARANG PERTANYAAN MENGENAI PENAWARAN,  
TADBIRURUS DAN PENGOPERASIAN GERAN, PENSYARAH BOLEH MERUJUK  
KEPADА LAMAN SESAWANG RESEARCH MANAGEMENT CENTRE DI  
[HTTPS://RMC.UITM.EDU.MY](https://rmc UITM.edu.my) ATAU MENGHUBungi KOORDINATOR / PENYELARAS  
RMU KAMPUS MASING-MASING UNTUK MAKLUMAT LANJUT.\*\*

# GERAN PENYELIDIKAN

<https://www.recuitm.org/guidelines>

<https://rmc.uitm.edu.my/>

- Semua penyelidikan (ketua atau ahli) perlu berdaftar dengan RMC untuk paparan di MyATP
  - Penyelidikan perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Etika (jika berkaitan)

The screenshot shows a blue header with the text "TLESSLY TO GRU STAT" and "BUKAAN N PENYELIDIKAN L (FRGS) FASA 1/2022". Below the header, there is a sidebar with links: "Research Grant Guideline", "Research Funding", and "Guide to Dana KPT Grant Applications". The main content area is partially visible.

The screenshot features a teal background with a large blue circle containing the text "CALL FOR PROPOSALS". To the right, it says "MOSTI MALAYSIA GRAND CHALLENGE". It lists several funding opportunities:

- Technology Development Fund 1 (TeD1)**: Quantum & Project Duration: RM1,000,000.00 | 24 Months  
Technology Readiness Level: TRL 2 to 4
- Technology Development Fund 2 (TeD2)**: Quantum & Project Duration: RM1,000,000.00 (SME-Matching) | 36 Months  
Technology Readiness Level: TRL 4 to 7
- Bridging Fund (BF)**: Quantum & Project Duration: RM4,000,000.00 (SME-Matching) | 36 Months  
Technology Readiness Level: TRL 7 to 9
- Strategic Research Fund (SRF)**: Quantum & Project Duration: RM15,000,000.00 (SME/MNC-Matching) | 36 Months  
Technology Readiness Level: TRL 3 to 9
- MOSTI Combating COVID-19 Fund**: Quantum & Project Duration: RM3,000,000.00 | 36 Months  
Technology Readiness Level: TRL 2 to 9

At the bottom, it says "Enquiries: Unit Perolehan Geran (UPG), Research Management Centre (RMC), UTM Shah Alam. 03-5544 3240 | 8255 | 8259".

The screenshot shows the "Research Ethics Committee" page. At the top, there is the logo of Universiti Teknologi MARA and a navigation bar with links: HOME, GUIDELINES, MEETING CALENDAR, APPLICATION, FAQ, CONTACT, and ACTIVITIES. The "GUIDELINES" section is highlighted. Below it, there are two boxes: "Good Clinical Research Practice" and "Ethical Standards and Procedures for Research with".

SEGMEN: KENALI  
**'SPOKESPERSON'**  
PJIM&A



# *SPOKESPERSON PJIM&A*

BIL	NAMA	FAKULTI/JABATAN
1	DR. SITI HAJAR ALIAS	KIMIA DAN ALAM SEKITAR
2	DR MUADZ AHAMAD MAZIAN	BIOLOGI
3	ADAM FEIZREL RONNY LINOBY	SAINS SUKAN DAN REKREASI
4	DR SITI AZIMA BINTI ABDUL MUTTALIB	TEKNOLOGI INDUSTRI
5	USTAZAH DR ADIBAH BT BAHORI	ACIS
6	NURULNABILAH ABDUL AZIZ	APB KAMPUS KUALA PILAH
7	NOOR SHAHARIAH BINTI SALEH	APB KAMPUS SEREMBAN
8	NOR HANIZA HASAN	APB KAMPUS REMBAU
9	DR ZAHRIL SHAHIDA BINTI AHMAD	PENGURUSAN MAKLUMAT
10	MOHD FAISAL BIN MD NOOR	KOMUNIKASI DAN PENGAJIAN MEDIA
11	DR ASIAH ALI	PENGURUSAN & PERNIAGAAN KAMPUS KUALA PILAH
12	BASHIR AHMAD BIN SHABIR AHMAD	PENGURUSAN & PERNIAGAAN KAMPUS SEREMBAN
13	MOHD AZLAN ABDUL MAJID	PENGURUSAN & PERNIAGAAN KAMPUS REMBAU
15	SITI NOOR DINA AHMAD	FSKM KAMPUS KUALA PILAH
16	NUR IZZAH JAMIL	FSKM KAMPUS REMBAU
17	WAN MARDYATUL MIZA WAN TAHIR	PERAKAUNAN
18	ALLINA NADZRI	FIZIK DAN SAINS BAHAN

# SEGMEN: KENALI 'SPECIAL INTEREST GROUP' (SIG) UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

NAMA SIG	BIDANG	NAMA KETUA
BioMECs	Applied Microbiology and Molecular Biotechnology	Dr. Nor'Aishah Hasan
Numerical Method for Industrial Technology	Matematik	Dr. Mat Salim Selamat
Synergy 3 Alliance of Research & Innovation for Food (ARIF)	Sains Sosial dan Kemanusiaan Food Science & Technology	Profesor Madya Dr Norwati binti Haji Roslim Ts. Dr. Eddie Tan Ti Tjih
MaterOleo Group Clothing Innovation And Textile Research Association (Citra)	Material & Oleochemistry Textile And Clothing Technology	Profesor Madya Ts. Dr. Tuan Sheikh Ahmad Izaddin Sheikh Mohd Ghazali Ts.Dr. Wan Syazehan binti Ruznan
Data Science With Text Mining Analysis	Statistik	Dr. Nurul Nisa' binti Khairol Azmi
Advanced Material for Environmental Research (AMER)	Kimia dan Alam Sekitar Social Science, Science Technology, Mass Communication, Information Technology	Dr. Ruhaida Rusmin Mohamed Syafiq bin Mohamed Ayub
Mass of Excellence (MOE) Penyelidikan Halal Kontemporari	Pengurusan Halal	Nor Saadah binti Musa
ECOGRO EMiBio	Ekologi dan Pemuliharaan Applied Environmental Microbiology	Dr Nur Hasyimah Ramli Dr. Izzati Adilah binti Azmir
Cryptography	Information Management, Mass Communication & Statistic	Prof Madya Dr Masitah Ahmad



# "BIOTECHNOLOGY, MICROBIOLOGY AND ENVIRONMENT COLLABORATIVE SCIENCES" (BIOMECS)

BioMECs memberi fokus kepada penyelidikan yang menjurus dalam bidang mikrobiologi gunaan, bioteknologi molekul dan persekitaran. Semua teknologi tersebut akan diaplikasikan dalam setiap projek penyelidikan kami yang berdaftar di bawah BioMECs.

Visi kami ialah menjadi sebuah organisasi yang berorientasikan penyelidikan, inovasi dan kolaborasi pelbagai disiplin bagi memenuhi keperluan sains dan teknologi di masa hadapan.

Manakala, misi kami ialah menyediakan platform perkongsian wacana ilmu dalam bidang tersasar iaitu bioteknologi, mikrobiologi dan persekitaran secara komprehensif bagi mempertingkatkan mutu dan kesarjanaan dalam bidang sains


#Navigating Biology



Email: [biomecs@uitm.edu.my](mailto:biomecs@uitm.edu.my)

Facebook:

<https://www.facebook.com/bio-mecsuitm>



Instagram:  
[https://www.instagram.com/bio-mecs\\_uitmcns/](https://www.instagram.com/bio-mecs_uitmcns/)

YouTube:

<https://tinyurl.com/BioMECs-UiTMS>



Website:  
<https://biomecsuitm.com/>

# "ECOLOGY, NATURE AND TREASURE" (ECONATREA)

#Nature is treasure



ECONATREA merupakan kumpulan khas penyelidikan yang berfokuskan kepada bidang ekologi dan alam semulajadi.

Kumpulan ini ditubuhkan bertujuan memperkasakan penyelidikan dalam bidang ekologi dan pemuliharaan alam semulajadi, memperkembangkan ilmu pengetahuan disamping mempertingkatkan kesarjanaan para penyelidik.

Visi : Penyelidikan berkualiti untuk kesejahteraan setempat

Misi : Memelihara dan memulihara ekosistem serta kepelbagaian biologi setempat melalui kaedah sains dan pendidikan

“Diharapkan ECONATREA mampu menyumbang kepada keseimbangan ekosistem melalui aktiviti penyelidikan yang bakal dijalankan. Kami berpegang kepada Tagline Nature is Treasure.



Email: Email:  
[econatrea@uitm.edu.my](mailto:econatrea@uitm.edu.my)





## "ENVIRONMENTAL MICROBIOLOGY" (EMIBIO)

#EmpoweringModernAgriculture

Kumpulan EMiBio ini ditubuhkan adalah bertujuan untuk menjalankan penyelidikan dalam mencari jawapan yang saintifik bagi sesuatu fenomena dengan harapan dapat membantu secara langsung dan tidak langsung dalam menjaga kelestarian alam semulajadi dan menjana pertumbuhan ekonomi dalam bidang agroteknologi khususnya. Selain bidang agroteknologi, hala tuju penyelidikan kami juga tertumpu pada bidang bioteknologi dan biologi persekitaran.

Misi:

Membantu penjanaan ekonomi dalam bidang pertanian melalui penghasilan inovasi terkini

Visi:

Penyelidikan berkualiti untuk kelestarian alam semulajadi



Email: emibio@uitm.edu.my






# "NUMERICAL ANALYSIS PRO" (NAP)



NAP atau dikenali sebagai Numerical Analysis Pro merupakan kumpulan penyelidikan dalam bidang matematik. NAP fokus terhadap penyelesaian matematik menggunakan kaedah numerical analisis. Dengan berkonsepkan gabungan analisis dan pengkomputeran, NAP mampu menyelesaikan masalah persamaan khususnya dalam bidang sains dan kejuruteraan.

**Visi:**  
Menerajui perkembangan idea dan inovasi bagi penyelesaian masalah matematik.

**Misi :**  
Meningkatkan kebolehan dalam menyelesaikan masalah matematik dengan gabungan idea dan pengkomputeran yang mampu memberikan keputusan yang lebih tepat dan pantas.





CITRA merupakan kumpulan penyelidikan dalam bidang teknologi tekstil dan pakaian yang menyatukan kepakaran antara bidang (interdisciplinary) dan merentas bidang (transdisciplinary) berteraskan kepada pengajian teknologi tekstil dan pakaian yang melibatkan aktiviti penyelidikan, inovasi, penyebaran ilmu pengetahuan, pengkomersilan serta sumbangan kepada komuniti.



Email:  
[citrauitm@gmail.com](mailto:citrauitm@gmail.com)



Facebook:  
<https://www.facebook.com/citrauitm>



Instagram:  
[https://www.instagram.com/citra\\_utm/](https://www.instagram.com/citra_utm/)



Website:  
<https://citrauitm.wixsite.com/citra>

# "SYNERGY 3"



Synergy 3

SYNERGY 3 merupakan 'Special Interest Group' terdiri daripada gabungan pensyarah dari tiga disiplin yang berbeza iaitu satu fakulti dan dua pusat kecemerlangan terdiri daripada Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Akademi Pengajian Bahasa dan Akademi Pengajian Islam dan Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau.

Semangat rentas disiplin dalam bidang pendidikan dan komunikasi ini berupaya memperkasakan bidang sains sosial dan kemanusiaan yang merupakan titik fokus penubuhan kumpulan ini.



gsynergy3@uitm.edu.my

## Visi

Memperkasakan aktiviti penyelidikan, penulisan, penerbitan, inovasi, konsultansi dan khidmat masyarakat dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan memfokuskan kepada pendidikan dan komunikasi.



## Misi

Menjadi aspirasi untuk menyumbang kepada usaha-usaha memperkasakan perkongsian ilmu pengetahuan dan kepakaran bersama-sama warga kampus, pelajar dan juga masyarakat setempat secara khususnya dan global secara amnya.



<http://shorturl.at/auCU5>

# KEAHLIAN "SYNERGY 3"



**PROF MADYA  
DR. NORWATI  
HJ. ROSLIM**

KETUA/PENGURUSI

Akademi Pengajian Bahasa,  
UITM Negeri Sembilan, Kampus Rembau.

Ph.D in TESL Universiti Putra Malaysia  
Masters of Science in TESL Universiti Putra Malaysia  
B. Ed. (Hons.) in ESOL University of Southampton,  
United Kingdom.

English Language  
Corpus Linguistics



جامعة تكنولوجى مارا  
**UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA**



**PROF MADYA DR. HJ. MUHAMMAD HAKIMI  
TEW ABDULLAH**

TIMBALAN PENGURUSI

Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media  
UITM Negeri Sembilan, Kampus Rembau.

Ph.D in Communication Universiti Kebangsaan Malaysia  
Master of Communication Universiti Putra Malaysia  
Bachelor Degree (Hons.) in Communication Universiti  
Putra Malaysia

Media Framing  
Psychology Communication  
Media & Communication Studies

## SUHAILA SHARIL

PENSYARAH/AHLI/BENDAHARI

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
UITM Negeri Sembilan, Kampus Rembau.

Master in Islamic Studies (Da'wah & leadership)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bachelor Degree (Hons.) in Islamic Studies (Da'wah &  
leadership) Universiti Kebangsaan Malaysia  
Diploma in Islamic Studies (Usuluddin)  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor



**NUR FAATHINAH  
MOHAMMAD ROSHDAN**

PENSYARAH/AHLI/SETIAUSAHA

Akademi Pengajian Bahasa  
UITM Negeri Sembilan, Kampus Rembau.

Master of World Literature Universiti Putra Malaysia  
Bachelor of Human Sciences (Hons.) in English  
Linguistics & Literature Universiti Islam Antarabangsa  
Malaysia

English Literature  
(Trauma Theory)  
English Language

Da'wah Non Muslim  
Islam & Communication  
Violence against women

## SITI 'AISHATUL-HUMAIRAH MUHAMMAD FISOL

PENSYARAH/AHLI/NEWS CURATOR

Akademi Pengajian Bahasa  
UITM Negeri Sembilan, Kampus Rembau.

Master of Human Sciences in English Studies  
Universiti Islam Antarabangsa  
Bachelor of Human Sciences (Hons.) in English Linguistics &  
Literature Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

English Linguistics



**KU NURUL ATIQAH  
KU AHAMAD**

PENSYARAH/AHLI/DESIGNER

Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media  
UITM Negeri Sembilan, Kampus Rembau.

Master in Media & Advertising  
University of Leicester United Kingdom  
Bachelor Degree (Hons.) in Industrial Design  
Universiti Teknologi MARA Malaysia

Media & Communication  
Advertising  
Visual & Design Communication  
Graphic & Animation



uitmsynergy@gmail.com

# "ALLIANCE OF RESEARCH & INNOVATION FOR FOOD" (ARIF)



Alliance of Research & Innovation for Food (ARIF) telah ditubuhkan secara rasminya di Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah pada 8 Ogos 2017. Ia terdiri daripada sekumpulan penyelidik dengan kelayakan dan kepakaran yang luas, dari sains tegar sehingga ke kajian perniagaan.

Penyelidik kumpulan ini sentiasa bermotivasi dalam urusan penyelidikan dan inovasi berkaitan dengan makanan.



Email rasmi:  
arifns@uitm.edu.my



Laman web:  
<https://arifuitm2017.wixsite.com/arif>

## Visi


Kami mempunyai visi yang sama dan berjanji untuk mewujudkan masyarakat yang lebih sihat dengan penemuan dan mempromosikan penggunaan makanan dengan cara yang lebih berkhastat, lebih selamat dan lestari melalui sains dan teknologi.

## Misi

ARIF didirikan untuk meningkatkan kerjasama penyelidikan makanan, inovasi, penyebaran pengetahuan dan pengkomersialan untuk konsortium kepakaran dalam pelbagai bidang di peringkat nasional dan antarabangsa.



## DATA SCIENCES WITH TEXT MINING ANALYSIS (D-TEX)




Data Sciences with Text Mining Analysis (D-Tex) adalah kumpulan penyelidik yang mengkhusus kepada analisis berstatistik yang melibatkan data dalam bentuk teks. Antara analisis teks

### Visi

Menjadikan kumpulan penyelidik yang pakar dalam bidang analisis teks data melalui penyelidikan, webinar, penghasilan produk inovasi serta kerjasama dengan agensi luar.

### Misi

Menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi, produk inovasi yang boleh dikomersialkan serta projek perundingan atau kerjasama bersama agensi luar.



# "MATERIAL, INORGANIC AND OLEOCHEMISTRY GROUP" (MATEROLEO)



MaterOleo merupakan kumpulan khas penyelidikan berfokuskan kepada gabungan bidang Kimia Bahan (Materials Chemistry), Kimia Tak Organik (Inorganic Chemistry) dan Oleokimia (Oleochemistry). Kumpulan ini diwujudkan bagi mencapai kecemerlangan yang lebih pada disiplin dalam penyelidikan pada skala global melalui kerjasama di antara para penyelidik. Penyelidikan kami terdiri daripada pelbagai disiplin dari asas hingga aplikasi serta merangkumi pelbagai sistem bahan termasuklah bahan organik dan tak organik, bahan nano dan produk oleokimia.

MaterOleo bertujuan untuk menyelaras, melaksana dan mengetuai penyelidikan mengenai pembangunan bahan untuk menghasilkan penyelidik yang kompetitif dan kompeten serta mampu menghasilkan penyelidikan berkualiti tinggi dengan kesan dan nilai komersial yang baik seterusnya diiktiraf sebagai pusat pengetahuan dan teknologi inovatif serta mewujudkan rangkaian dengan universiti dan industri di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

## Visi

Menjadikan MaterOleo sebuah kumpulan penyelidikan bereputasi antarabangsa menerusi penerokaan teknologi baru yang penting bagi menangani cabaran utama yang dihadapi oleh masyarakat dalam aspek kelestarian, tenaga, kesihatan dan alam sekitar.

## Misi

Memberi sumbangan bermakna melalui pemerkasaan pengetahuan dan kepakaran serta memudahkan penyepaduan dan pendekatan kepelbagaian disiplin ke atas implementasi sains dan teknologi menerusi kerja-kerja penyelidikan berkaitan sintesis bahan termaju, proses-proses dan pengembangan produk oleokimia.



materoleo.official@gmail.com

<https://www.instagram.com/materoleo.official/>



<https://twitter.com/materoleo?s=09>

<https://materoleoofficial.wixsite.com/my-site>



# "ADVANCED MATERIALS FOR ENVIRONMENTAL REMEDIATION"

Bidang tumpuan utama:

- a. Bahan termaju (teknologi nano, polimer, mineral, teknologi dan tenaga hijau)
- b. Kimia Teoritikal (model, simulasi, pengaturcaraan eksperimen)
- c. Kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan sosial



ameruitmcns@gmail.com

## Misi

Mewujudkan ekosistem ilmu yang menyokong aktiviti kesarjanaan UiTM dan pembangunan modal insan terutama dalam bidang kelestarian alam sekitar melalui penyelidikan bahan termaju.

## Visi

Menjadi sebuah pasukan berkepakaran tinggi yang meneraju bidang pengetahuan dan penyelidikan berteraskan prinsip sains dan teknologi yang memberi impak kepada kemajuan ilmu, kelestarian alam sekitar, kesejahteraan komuniti dan keutuhan sinergi industri-akademia.

## Objektif:

1 Mengembangkan kepakaran ahli berteraskan kajian dan minat dalam bidang kimia, bahan termaju dan alam sekitar.

2. Membina jaringan kepakaran bersama pemegang taruh peringkat universiti, industri, agensi luar, komuniti dan global

# "PENYELIDIK HALAL KONTEMPORARI" P-HAC



PENYELIDIK HALAL  
KONTEMPORARI (P-HAC)  
ADALAH KUMPULAN PENYELIDIK  
YANG MENGKHUSUSKAN  
KEPADA BIDANG HALAL  
KONTEMPORARI MERANGKUMI  
HALAL SYARIAH, PENGURUSAN  
HALAL DAN HALAL SAINS.



## Visi:

Memperkasakan aktiviti  
penyelidikan, penulisan,  
penerbitan dan inovasi dalam  
bidang halal kontemporari secara  
komprehensif.

## Misi:

Menjadi platform pakar rujuk  
bidang halal kontemporari dan  
pemudahcara dalam menjalankan  
kerjasama dengan organisasi  
yang berkaitan.



Forensik  
HALAL

BERKAH

BEBAS RIBA  
BEBAS  
RASUAH



eISSN 2821-3513



# PJIM&A

BAHAGIAN PENYELIDIKAN,  
JARINGAN INDUSTRI,  
MASYARAKAT & ALUMNI (PJIM&A)

---

TINGKAT 4, BANGUNAN PENTADBIRAN  
UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS KUALA PILAH,  
72000 KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN



PJIM&A UiTM Cawangan Negeri Sembilan



PJIM&A CNS



pjimacns